

Jilid I  
Bil. 26



Hari Selasa  
11hb November, 1986

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

### KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3597]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1987—**

**Jawatankuasa—**

**Jadual:**

**Maksud B. 1 hingga B. 12 [Ruangan 3635]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1987—**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 3635]**



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR. SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATOK KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- .. TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. TUAN ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,  
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak  
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,  
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,  
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titawangsa).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 11hb November, 1986

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua)  
*mempengerusikan Mesyuarat*

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud]:** Yang Berhormat Drs Suleiman Mohamed.

*(Soalan No. 1 Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed tidak hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.

**Dato' Haji Mohamed Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan kedua, saya ingin membuat pembetulan, iaitu (b), selepas perkataan negara tambah perkataan "asing".

Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

LEMBAGA PADI DAN BERAS  
NEGARA—MENSWASTAKAN

**2. Dato' Haji Mohamed Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(a) mengenai cadangan untuk menswastakan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN); dan

(b) bagaimana pula dengan pelaksanaan penguatkuasaan sehingga kini, apakah ianya berkesan di dalam usaha mencegah penyeludupan beras dari negara asing khasnya Thailand. Sila nyatakan bilangan mereka yang ditangkap dan didenda dari tahun 1980-1985 (1980, 1981, 1982, 1983, 1984 dan 1985) dan jumlah kuantiti padi dan beras yang terlibat.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, LPN telah ditubuhkan untuk menjalankan tugas-tugas berikut:

- (a) Menyimpan dan menyenggara suatu bekalan padi dan beras yang cukup.
- (b) Mempastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani.
- (c) Mempastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna-pengguna.
- (d) Mempastikan bekalan beras yang cukup bagi mengatasi segala kecemasan.
- (e) Membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai polisi bermaksud menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras, dan jika diluluskan oleh Kerajaan untuk menyelaraskan dan membantu pada melaksanakannya.

Melihatkan kepada tugas-tugas tersebut, adalah dikhawatiri pihak swasta tidak akan dapat menjamin pelaksanaan segala tugas-tugas ini dengan sempurna bagi kebaikan petani-petani, pengguna-pengguna dan negara. Ini adalah kerana pihak swasta mempunyai objektif-objektif yang berlainan. Walau bagaimanapun ada beberapa aktiviti yang boleh dan harus diswastakan dan ini telah dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti tersebut ialah dalam bidang operasi harian pengendalian padi dan beras. Sekiranya ada lagi aktiviti-aktiviti lain yang boleh diswastakan, LPN dan Kerajaan sedia akan melakukannya. Tetapi penswastakan LPN pada keseluruhannya tidak dapat dipraktikkan pada masa ini.

Usaha-usaha mencegah penyeludupan padi dan beras sentiasa dilaksanakan dan telah menghasilkan beberapa tangkapan. Bilangan mereka yang ditangkap dan didenda dari tahun 1980 sehingga 1985 dan jumlah padi dan beras yang terlibat adalah seperti berikut. Bagi tahun 1980, bilangan kes ialah 324, melibatkan 152 tan metrik beras; pada tahun 1981; 354 kes melibatkan 74 tan metrik beras dan padi; pada tahun 1982, 406 kes melibatkan 157 tan metrik beras dan pulut; pada tahun 1983, 433 kes melibatkan 594 tan metrik beras, pulut dan padi; pada tahun 1984, 440 kes melibatkan 688 tan metrik beras, pulut dan padi; dan pada tahun 1985, 413 kes yang melibatkan 1,769 tan metrik beras, pulut dan padi. Jumlah untuk kelima-lima tahun ini ialah 2,370 kes yang melibatkan 3,435 tan metrik beras, pulut dan padi.

Usaha-usaha bagi mencegah kegiatan penyeludupan di sempadan adalah di bawah tanggungjawab Unit Pencegah Penyeludupan (UPP). Unit ini dianggotai oleh LPN, Polis, Kastam dan Imigresen. Penyeludupan barang-barang terkawal (termasuk

beras) adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kastam 1967. LPN hanya boleh mengambil tindakan bagi kesalahan-kesalahan tertentu sahaja seperti menjual beras tanpa lesen, memperolehi beras dari punca yang tidak sah dan memindah padi/beras tanpa kebenaran LPN. Bagi membendung masalah penyeludupan, kerjasama dengan UPP sentiasa diwujudkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat telah pun menyatakan jumlah tangkapan yang telah dibuat. Di sini saya ingin bertanya daripada sempadan-sempadan manakah yang mereka membawa beras-beras itu sama ada melalui air ataupun darat yang kebanyakannya sama ada Padang Besar ataupun di Rantau Panjang dan seterusnya di lain-lain sempadan untuk masuk ke negara kita ini.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, disepanjang sempadan.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu penangkapan yang disebutkan itu adalah dibuat oleh UPP tetapi mengapa pihak Timbalan Menteri belum lagi menjawab berapakah denda yang dikenakan apabila orang-orang yang ditangkap itu dibawa ke mahkamah dan disabitkan kesalahannya.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan UPP adalah bersama dengan LPN kerana kita membuat operasi yang bersamaan. Mengenai denda-denda itu adalah terpulang kepada mahkamah dan pihak LPN tidak ada mempunyai rekod-rekod mahkamah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat telah sebutkan tadi bahawa LPN tidak bercadang untuk mengswastakan semua sekali LPN. Jadi yang pertama, apakah pihak LPN bercadang untuk membenarkan pihak swasta mendirikan kilang-kilang swasta dan menjadikan kilang-kilang itu sebagai anak angkat selari dengan aktiviti LPN? Mengikut laporan-laporan bahawa LPN memerlukan jumlah wang yang banyak, mungkin hampir \$1 billion untuk menampung kekurangan ini.

Soalan yang kedua, berhubung dengan penguatkuasaan, baru-baru ini LPN telah menjalankan pemeriksaan di Pasar Besar, Kota Bharu dan oleh kerana Pasar Besar Kota Bharu itu adalah berjauhan daripada sempadan, jadi apakah cara yang digunakan, mungkin dari segi kualiti saya rasa tidak berbeza di antara padi Thailand dengan padi tempatan. Jadi apakah motif pihak LPN menjalankan pemeriksaan di pasar-pasar atau di gerai-gerai di Kota Bharu?

Soalan yang ketiga, baru-baru ini beras-beras yang telah dirampas telah ditenderkan, kemudian beras-beras ini akan dijual di pasaran tempatan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa perbuatan tersebut akan menambahkan beras-beras di pasaran tempatan, dengan itu ia menjadi tandingan kepada beras-beras tempatan?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, sememangnya pihak LPN menggalakkan pihak swasta mendirikan kilang-kilang dan telah pun pihak LPN mengambil langkah untuk mengambil anak angkat beberapa buah kilang di negeri Kedah dan Kementerian akan menggalakkan mana-mana pihak swasta untuk mendirikan kilang padi dan kita

bersedia untuk menjadikan mereka kilang anak angkat sekiranya diperlukan dan dikehendaki.

Soalan yang kedua, tujuan gerakan pemeriksaan ke atas peniaga-peniaga di pasar-pasar di Kota Bharu, bahkan juga di Terengganu iaitu di Pasir Puteh, Pasir Mas dan sebagainya ialah bertujuan untuk menentukan punca bekalan beras yang diniagakan. Di dalam pemeriksaan tersebut, didapati peniaga-peniaga telah gagal menunjukkan punca beras tersebut diperolehi, dan dengan lain perkataan, mereka memperolehi bekalan dari punca-punca yang tidak sah.

Mengenai soalan yang ketiga, memang kita menghadapi saingan daripada lain-lain pihak mengenai pemasaran beras kerana kita tahu penyeludupan beras memang berlaku ke negara kita daripada negara-negara asing dan beras-beras yang dirampas itu tidaklah begitu sangat memberi kesan kepada pasaran.

#### DAUN TEMBAKAU— PENYELUDUPAN

**3. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah beliau sedar bahawa penyeludupan daun tembakau ke negara kita telah berlaku di beberapa kawasan sempadan dengan sebuah negara jiran. Jika sedar, sila nyatakan setakat manakah penyeludupan itu mengancam penghidupan para petani tempatan dan menjejaskan mutu dan tembakau tempatan. Dan apakah langkah yang telah diambil bagi mencegah kejadian seperti itu dari terus berleluasa.

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Dr Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama memanglah sedar bahawa penyeludupan daun tembakau kering

telah berlaku di beberapa kawasan sempadan, khususnya di negeri Kelantan. Kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini boleh menimbulkan ancaman kepada penanam-penanam tembakau tempatan kerana pasaran tembakau di negara ini adalah terhad dan kemasukan daun tembakau yang diseludup itu akan mengurangkan peluang menanam tembakau.

Kegiatan ini jika tidak dikawal akan juga mengancam mata pencarian pekerja-pekerja di stesyen pengawet tembakau dari segi peluang pekerjaan dalam memproses tembakau tempatan. Berkenaan dengan kesannya ke atas mutu daun tempatan, sukacita dimaklumkan bahawa aktiviti penyeludupan ini tidaklah membawa apa-apa kesan secara langsung tetapi ada kemungkinan harga pasaran bagi daun tembakau akan terjejas.

Masalah penyeludupan tembakau ini telah pun dibawa untuk perhatian Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja yang bertanggungjawab secara langsung untuk mengawal kegiatan ini. Saya telah diberitahu bahawa Jabatan Kastam dan Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) telah dan akan terus berusaha sedaya upaya mengatasi masalah ini dengan membuat rondaan di kawasan-kawasan yang dikenalpasti boleh berlaku penyeludupan ini. Rondaan-rondaan laut juga diadakan di samping membuat sekatan jalan raya dan serbuan-serbuan mengejut di tempat-tempat tertentu. Pemeriksaan juga dijalankan di ban-ban tembakau.

Bagi menyokong usaha-usaha Jabatan Kastam dan UPP, pihak Kementerian Perusahaan Utama telah pun mengarahkan Lembaga Tembakau Negara mengambil langkah-langkah serentak bagi

membanteras aktiviti ini. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (a) memberikan kesedaran kepada orang ramai, terutama sekali penanam dan pekerja-pekerja stesyen pengawet melalui poster-poster dan ceramah-ceramah supaya golongan ini dapat membantu pihak berkuasa dengan menyampaikan maklumat-maklumat mengenai penyeludupan;
- (b) mewajibkan semua pengawet-pengawet menyimpan rekod-rekod yang lengkap untuk memudahkan merinyu-merinyu Lembaga Tembakau Negara memeriksa operasi mereka;
- (c) menahan pengawet-pengawet yang disyaki terlibat dalam aktiviti haram ini dari memasarkan daun keringnya sehingga penyiasatan ke atas rekod-rekod aktiviti pengawet, stok dan sebagainya selesai dijalankan. Seterusnya penjualan daun kering pengawet-pengawet ini hanya dibenarkan melalui pusat-pusat pemasaran yang diaturkan dan dikawal rapi oleh pegawai-pegawai Lembaga Tembakau Negara; dan
- (d) tiap-tiap pemindahan daun tembakau kering diwajibkan mendapat permit daripada Lembaga Tembakau Negara.

Hasil daripada tindakan-tindakan tersebut, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah dapat merampas 36 kes daun-daun tembakau yang diseludup melibatkan 35,444.88 kg. bagi sembilan bulan pertama tahun ini berbanding dengan 19 kes dengan daun tembakau sebanyak 20,465.79 kg. bagi tahun 1985.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menarik perhatian kepada kata-kata "mengancam penghidupan para petani" iaitu para petani daun tembakau. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan, dalam keadaan kempen anti merokok sekarang ini, adakah langkah-langkah Kementerian untuk menjaga kepentingan penghidupan para petani daun tembakau ini dengan cara "tidak menanam daun tembakau" tetapi menanam daun untuk makanan. Adakah langkah-langkah seperti itu?

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Menteri itu mengatakan beberapa kerugian telah terlibat akibat penyeludupan, maka dengan ini adakah benar kerana daun tembakau kita bermutu rendah, maka petani sendiri untuk menanam tembakau itu pendapatannya pun rendah, oleh kerana pendapatan rendah, mereka tidak berminat untuk menanam daun tembakau. Jika benar, apakah langkah-langkah daripada Kerajaan untuk menggalakkan mereka menanam daun tembakau.

Soalan kedua, berkenaan dengan penyeludupan atau smuggling, adakah penyeludupan itu menggunakan jentera basikalkah, motosikalkah, bas pelancongkah, atau lorikah ataupun kapalterbangkah. Kalau benar, dan didapati daripada jawapan Yang Berhormat Menteri itu dikatakan beberapa tempat telah disyaki, bolehkah Yang Berhormat Menteri meletakkan satu-dua ekor anjing di situ untuk mengawal perkara ini?

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan bahagian (a), tidak benar. Sebenarnya harga daun tembakau di Malaysia adalah dalam harga yang

terkawal yang sangat tinggi dibandingkan dengan harga daun tembakau yang dikeluarkan oleh negara berjiran dengan Malaysia. Dengan itu jika Yang Berhormat faham mengenai ekonomi, bila ada kesempatan tempat yang rendah harga, biarlah dia masuk ke negara yang ada harganya tinggi sekali, baharu ada penyeludupan ke Malaysia, jika harga daun tembakau di Malaysia adalah rendah, mengapa dia mahu bawa masuk ke Malaysia, you ingat dia bodoh punya orangkah? (*Ketawa*)

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Bukan dia, saya ingat orang yang menyeludup, bukan Yang Berhormat bodoh, orang yang menyeludup, maaf. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud):** Ya.

**Dato' Dr Lim Keng Kaik:** Untuk bahagian yang kedua, apabila sudah kacau, saya pun terlupa apa bahagian yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, pandang kemari, dia tidak kacau. (*Ketawa*)

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Apa bahagian yang kedua, saya terlupa. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud):** Kedua berkenaan dengan motosikal.

**Dato' Dr Lim Keng Yaik:** Oh, ya, dengan apa cara mereka yang menyeludup tembakau datang ke Malaysia, saya sendiri tidak lihat, barangkali ada jalan kaki, ada dengan basikal, ada dengan van, saya ingat bas pelancong tidak ada. Aeroplane pun tidak ada. Tetapi saya baru dengar, ayam terbang pun ada masuk dalam ini (*Ketawa*). Dalam hal ini, saya ingat susah hendak jawab, jika mahu, kita

berdua boleh pergi ke Kelantan untuk memeriksa macam mana mereka masuk menyeludupkan tembakau itu.

#### MADA—PERUNTUKAN PEMBINAAN JALAN

**4. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah MADA mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi membina 800 kilometer jalan konkrit dalam kawasan MADA seperti yang diumumkan oleh Menteri dan bilakah projek ini akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat pembetulan terhadap pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Pendang oleh kerana beliau menyatakan pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian telah membuat pengumuman terhadap pelaksanaan pembinaan jalan-jalan konkrit ladang di kawasan MADA, sebenarnya pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian tidak dengan rasminya membuat pengumuman mengenai projek tersebut, bahkan beliau menyebutkan perkara ini semasa berdialog dengan para petani-petani di kawasan MADA.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kajian yang teliti sedang dijalankan terhadap kesesuaian pembinaan jalan-jalan ladang konkrit yang boleh menampung pengguna berbagai jentera ladang dalam kawasan MUDA. Sebagai percubaan dan untuk tujuan kajian juga, pembinaan jalan konkrit ini akan dilaksanakan di kawasan Kerpan, Kedah dengan jumlah panjangnya kira-kira 3.5 km. Jika bersesuaian dari berbagai segi, pembinaan jalan ladang konkrit ini akan diperluaskan ke seluruh kawasan MUDA secara berperingkat. Sehubungan dengan itu peruntukan untuk maksud tersebut akan diuruskan mengikut kesesuaian

dan peringkat pelaksanaan. Projek tersebut akan dijalankan pada penghujung tahun ini atau pada awal tahun hadapan iaitu pada musim kemarau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar dalam projek MADA 2 sekarang jalan-jalan dibuat dengan secara konkrit. Apakah itu masih lagi diperingkat kajian? Tetapi pada pandangan saya benda ini telah pun dijadikan sebagai projek kawasan MADA iaitu jalan-jalan yang lebarnya lebih kurang 6 kaki dibuat dengan secara konkrit. Kalau sekiranya Yang Berhormat bersetuju yang jalan-jalan konkrit ini adalah sesuai, apakah Yang Berhormat bercadang untuk menukar peruntukan jalan-jalan ladang sekarang ini kepada jalan-jalan konkrit. Ketiganya, apakah bentuk perimbangan, sebab MADA ini adalah MADA untuk Kedah dan Perlis. Dari segi peruntukan bagi Perlis dan juga Kedah, adakah akan diberi sama banyak, ataupun dalam bentuk apa.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah pun dijelaskan tadi pada pihak MADA sudah membuat kajian yang teliti dan jikalau sekiranya didapati jalan konkrit ini lebih baik daripada jalan yang telah pun dilaksanakan terlebih dahulu daripada ini, tentu sekali kita akan membuat keputusan supaya memakai jalan konkrit ini di seluruh kawasan MADA sebagaimana yang telah saya jelaskan sebentar tadi. Saya sendiri tidak begitu mengetahui bahawa di MADA 2 semua jalan-jalan ladang itu telah pun menggunakan jalan konkrit ini. Jikalau benar perkara ini betul-betul sesuai bagaimana yang telah pun dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kita akan mengambil perhatian supaya kita dapat melancarkan pelaksanaan jalan konkrit bagaimana yang saya sebutkan tadi untuk

kegunaan para petani di kawasan tersebut.

Kedua, mengenai anggaran, oleh kerana kata Yang Berhormat tadi, kawasan ini adalah dalam dua buah Negeri, iaitu negeri Kedah dan Perlis, kita tidak ada maksud akan menganaktirikan sesiapa pun. Kalau mana-mana tempat yang kita fikir penting, perlu dan mustahak untuk dilaksanakan ataupun di mana tempat yang kita kira patut diberi banyak ataupun sama banyak anggaran, kita harus lakukan dengan secara adil dan saksama.

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada jalan-jalan ini, kawasan MADA khasnya amat penting kepada penggunaan jentera-jentera di sawah, apakah kawasan Kerpan sahaja menjadi projek permulaan dan sepatutnya Kementerian Pertanian memberi perhatian kepada seluruh kawasan MADA ini, kerana sekarang ini pun banyak jalan-jalan MADA itu tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh jentera padi. Yang demikian, tidakkah ada rancangan yang mempercepatkan usaha mengadakan jalan-jalan konkrit ini di kawasan seluruh MADA khasnya.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kita juga mempunyai perasaan simpati terhadap para petani-petani ini, tetapi kita tidak boleh melaksanakan satu projek yang begitu mahal untuk kegunaan para petani dengan tidak membuat penelitian yang lebih mendalam oleh kerana ada beberapa projek di kawasan IADP di mana tempat mereka sudah macam menukar keadaan projek, iaitu mengenai parit dan taliair, mula-mula mereka ada pakai benda sejenis, sesudah itu mereka dapati benda itu tidak berapa menguntungkan pihak petani dan merugikan Kerajaan, mereka telah mengubah kepada

benda lain lagi. Ini kita tidak dapat membuat begitu di kawasan ini oleh kerana kawasan ini satu kawasan yang begitu luas dan anggaran untuk pelaksanaan projek ini pun melibatkan wang yang agak banyak. Jadi, oleh kerana hal yang demikian, sebagaimana yang telah pun diterangkan oleh saya sebentar tadi, kita akan membuat penelitian, kalau didapati betul sesuai untuk dilaksanakan oleh kegunaan para petani di kawasan ini, kita akan menjalankan pelaksanaan projek tersebut.

#### SYARIKAT ROTHMANS INTERNATIONAL—PEMEGANG SAHAM

**5. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedar akan kenyataan bahawa rakyat Afrika Selatan adalah pemegang utama Syarikat Rothmans International. Jika ya, adakah Kerajaan bercadang untuk memberhentikan pengeluaran rokok Rothmans dan lain-lain jenama rokok yang dikeluarkan oleh syarikat ini di Malaysia.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang diketahui oleh Kerajaan, Syarikat Rothmans International tidak mempunyai pemegang-pemegang saham dari rakyat Afrika Selatan. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang memberhentikan pengeluaran rokok Rothmans atau lain-lain jenis rokok yang dikeluarkan oleh syarikat ini.

**Dr V. David:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada siasat atas perkara ini, ini bukan satu perkara yang baru, barangkali perkara ini ditimbulkan dalam Dewan ini 20 tahun dahulu. Syarikat Rothmans ada beritahu yang sahamnya tidak daripada

Afrika Selatan, modal ini daripada Afrika Selatan tetapi sampai ke London dan daripada London masuk ke Malaysia dan ke lain-lain negara. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri keterangan ini, sebab ini bukan soal kecil tetapi soal besar yang ada bersangkutan dengan banyak perkara dalam negara dan luar negara?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahu Yang Berhormat yang berkenaan dapat kata-kata yang betul atau tidak, tetapi penerangan saya untuk makluman Yang Berhormat ialah Rothmans International P.L.C. atau Syarikat Rothmans International adalah sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham London dan pemegang saham utama ialah ada 3 jenis:

- (i) Rothmans Tobacco Holdings Limited. Mereka memegang 26%;
- (ii) Philip Morris Incorporated 32%; dan
- (iii) Public iaitu 10,000 pemegang individu dan institusi dan mereka memegang 42% saham.

Rothmans Tobacco Holdings Limited dan Philip Morris Incorporated dipercayai tidak mempunyai sebarang pelaburan dari rakyat Afrika Selatan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bukankah benar dalam kempen anti-apartheid di dunia bahawa Rothmans International ada disenaraikan sebagai antara firma-firma yang adalah berkaitan dengan Afrika Selatan dan ada satu rayuan bahawa mereka sebenarnya dengan tulen bersetuju bertentang dasar apartheid patutlah memboikot firma-firma ini? Adakah menjadi dasar Kerajaan bahawa apabila mendapat adalah saham-saham yang penting dalam firma-firma ini, Kerajaan akan mengambil tindakan untuk

memberhentikan pengeluaran Rothmans International di sini menunjukkan bahawa kita yang tulen menyokong perjuangan anti-apartheid?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara ini, tetapi pada setakat yang diketahui oleh Kerajaan, saya sudah menjawab, Syarikat Rothmans International tidak mempunyai pemegang-pemegang saham dari rakyat Afrika Selatan.

### NISBAH GURU MURID

**6. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab nisbah guru murid 1:35 yang diumumkan lebih 20 tahun dahulu masih tidak dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak ada membuat peruntukan nisbah guru murid seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, iaitu 1 orang guru bagi 35 orang murid, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar itu.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran setakat ini hanya menggunakan nisbah kelas guru sahaja, seperti contoh berikut, iaitu bagi sebuah kelas sekolah rendah biasa kita ada 1:5 orang guru bagi tiap-tiap kelas dan bagi sekolah menengah peralihan hingga Tingkatan 5 ialah 1:43 orang guru bagi sebuah kelas dan Tingkatan 6 ialah 2 orang guru bagi 1 buah kelas.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa sistem pelajaran sekarang ini adalah mengikut sistem 3M. Apakah nisbah daripada kelas-kelas 3M itu? Adakah nisbah daripada pelajaran 3M ini sesuai ataupun telah disempurnakan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tak perlu jawab, kerana terkeluar daripada soalan asal.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walau bagaimanapun, kita dapat tahu nisbah guru murid dalam negara kita berbanding dengan negara-negara maju ialah begitu tinggi. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika kita mengambil tindakan untuk mengurangkan nisbah ini bolehkah kita menyimpan lebih wang negara kita dalam negeri oleh kerana kita dapat tahu ada beberapa ibu bapa dalam negeri kita yang menghantar anak-anaknya ke luar negeri oleh kerana pendapatan mereka, mutu pelajaran kita rendah dengan keadaan nisbah ini begitu tinggi dalam negara kita?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, terpujang kepada negara mana kita bandingkan negara kita. Kalau negara Sri Lanka misal kata, mungkin nisbah kita lebih baik, tetapi kalau negara-negara maju di Barat mungkin nisbah kita tidak begitu baik. Namun demikian, itu bukanlah satu faktor yang penting yang menyebabkan ramai daripada orang-orang di negara ini menghantar anak-anak mereka ke luar negeri. Namun demikian, kita yakin bahawa nisbah yang ada pada kita ini adalah nisbah yang memuaskan dan yakin dengan nisbah ini kita mempunyai sistem pelajaran yang baik dan dapat menjamin kebahagiaan anak-anak kita di masa akan datang.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat manakah Yang Berhormat dapat kejayaan ke atas nisbah yang disebutkan oleh Yang Berhormat 1:5 untuk sekolah rendah dan 1:43 untuk sekolah menengah, sama ada itu di desa ataupun di bandar. Bolehkah Yang Berhormat terangkan?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan kejayaan, banyak perkara yang harus kita kaji dan lagi pun perkara ini perkara subjektif yang perlu memakan masa yang panjang untuk menilaikan kejayaan. Namun demikian, saya katakan tadi 1:5 orang guru bagi sebuah kelas ialah yang kita gunakan bagi KBSR yang kita laksanakan, iaitu yang disebut 3M tadi dalam peringkat sekolah rendah dan 1:43 orang guru itu ialah bagi sekolah menengah dari peralihan hingga Tingkatan 5. Saya tidak dapat menyebut satu persatu kejayaan yang sudah kita capai akibat daripada kita melaksanakan sistem ini, namun demikian, secara menyeluruh saya rasa kita cukup puas hati dengan apa yang telah kita capai.

#### LAND CRUISER STATION WAGON DI SABAH

**7. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah terdapat kelewatan yang lama dalam meluluskan permit untuk pembawa persendirian (Private Carrier) bagi Land Cruiser Station Wagon di Sabah.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan ke atas permohonan-permohonan lesen pembawa persendirian atau lesen pembawa C adalah dibuat berdasarkan kepada keperluan penggunaan kenderaan untuk tujuan mengangkut barang-barang kepunyaan sendiri yang ada kaitan dengan jenis perniagaan yang dijalankan oleh pemohon-pemohon. Dengan kata lain, lesen pembawa C ini hendaklah digunakan untuk tujuan perdagangan persendirian, dengan izin, private commercial use.

Walaupun bagaimanapun, adalah didapati banyak daripada lesen pembawa C jenis Land Cruiser Station

Wagon yang dikeluarkan di Sabah telah disalahgunakan di mana kenderaan tersebut tidak digunakan oleh pemilik-pemiliknya untuk tujuan perniagaan mereka tetapi sebaliknya digunakan sebagai kenderaan persendirian seperti kereta-kereta biasa. Adalah juga didapati bahawa kebanyakan permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen pembawa C jenis Land Cruiser Station Wagon ini adalah dibuat semata-mata bertujuan untuk mengelakkan daripada pembayaran cukai jalan yang tinggi.

Oleh yang demikian, permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen pembawa C jenis Land Cruiser Wagon ini perlulah dipertimbangkan dengan teliti dan mendalam dengan cara menemuduga pemohon-pemohon berkenaan bagi memastikan keperluan dan kesahihan permohonan-permohonan tersebut sebelum boleh diluluskan.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapakah permit khasnya untuk pembawa persendirian bagi Land Cruiser Station Wagon yang sudah diluluskan di negeri Sabah bagi tahun 1986 dan apakah langkah-langkah yang wajar telah diambil untuk mempercepatkan pemohon-pemohon untuk mendapatkan permit-permit tersebut?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 1986, 59 permit telah diluluskan; ini berbanding dengan 70 untuk tahun 1984 dan 149 untuk tahun 1985. Langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkannya ialah kita sentiasa mengarahkan pegawai-pegawai kita untuk melaksanakan permohonan-permohonan supaya dapat dilaksanakan dengan secepat yang mungkin.

## MANGSA RUSUHAN DI SABAH

**8. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapakah bantuan yang diperuntukkan untuk mangsa-mangsa rusuhan pada bulan Mac, 1986 di Kota Kinabalu, Sabah dan bagaimanakah bantuan ini dibahagi-bahagikan di antara mangsa-mangsa tersebut seperti pekedai-pekedai, pemilik-pemilik kenderaan dan mangsa-mangsa itu sendiri.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah sedang membuat kajian serta membanci mangsa-mangsa tersebut sebelum menetapkan sesuatu skim bantuan untuk mereka itu di bawah peruntukan Kerajaan Negeri yang berkenaan.

**Tuan Gerard Math Lee Min:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat menimbangkan untuk memperuntukkan daripada peruntukan Kementerianya untuk mempampas mangsa-mangsa rusuhan; jikalau tidak, mengapa?

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa peruntukan negeri mencukupi untuk tujuan ini.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan soalan ini kerana saya rasa soalan ini pernah ditanyakan dahulu dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan tidak ada peruntukan ataupun cadangan untuk diberikan kepada mangsa-mangsa ini. Jadi, saya hendak bertanya bilakah kita tak mahu menjawab lagi tentang soal-soal seperti ini?

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu mendengar jawapan saya, dia faham bahawa tidak ada perubahan.

**PELARIAN FILIPINA/  
PENDATANG HARAM  
INDONESIA**

**9. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada satu kajian telah dijalankan oleh Kementeriannya untuk menentukan jumlah sebenarnya pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram Indonesia yang bekerja di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia setakat 30-9-1986, setakat manakah kehadiran mereka mengancam serta menjejaskan peluang-peluang rakyat negara ini, dan sama ada Kerajaan telah mendakwa mana-mana majikan yang mengingkari undang-undang dengan menggaji pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram, jika ya, beri butir-butir lanjut.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian saya tidak pernah menjalankan kajian seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat memandangkan aktiviti tersebut adalah di bawah bidang tugas pihak berkuasa lain daripada Kementerian Buruh. Tambahan pula, majikan-majikan yang terlibat tidak menyimpan sebarang rekod mengenai pengajian pekerja-pekerja pendatang haram. Di samping itu, tidak terdapat rekod-rekod rasmi yang komprehensif dan kemaskini mengenai pekerja pendatang haram yang bergerak secara senyap-senyap. Apa yang diketahui ialah setakat ini, saya difahamkan bahawa jumlah pendatang haram Filipina di negeri Sabah yang berdaftar dan dikelaskan sebagai pelarian adalah berjumlah lebih kurang 320,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sejauh mana kehadiran mereka menjejaskan peluang-peluang pekerjaan rakyat Malaysia, Dewan yang mulia ini telah pun diberitahu dalam masa Soal-Jawab pada 21hb Oktober, 1986 ketika menjawab soalan yang hampir sama oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Aru dan saya tidak ingin menambah kepada jawapan yang telah diberikan itu.

Merujuk kepada soalan mengenai sama ada Kerajaan telah mendakwa majikan-majikan yang menggaji pekerja-pekerja pendatang haram, Jabatan Buruh di Semenanjung Malaysia dengan kerjasama pihak polis dan Jabatan Imigresen telah melancarkan serbuan secara mengejut ke tempat-tempat kerja sebagai usaha membanteras penggajian pekerja-pekerja pendatang haram. Setakat ini sejumlah 101 tempat kerja telah diserbu. Hasil tindakan tersebut, 5 kes pendakwaan telah dijalankan dan 2 kes telah pun selesai di mana majikan yang didapati salah dikenakan denda berjumlah \$3,600. Setakat ini tidak ada sebarang pendakwaan di negeri Sabah ataupun di negeri Sarawak di bawah Ordinan Buruh masing-masing.

Namun demikian, adalah difahamkan semenjak tahun 1981 hingga 30hb September, 1986, Jabatan Imigresen Negeri Sarawak telah menjalankan pendakwaan terhadap 20 majikan kerana didapati melindungi dan menggajikan pekerja-pekerja pendatang haram.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Yang Berhormat Menteri Buruh pernah mengatakan beliau akan mengambil tindakan yang tegas ke atas majikan-majikan yang melindungi pekerja-pekerja pendatang haram. Kalau begitu, apakah tindakan setakat ini

dibuat oleh Kementeriannya untuk mengadakan rekod-rekod dengan majikan ini. Kalau tidak ada rekod, bagaimanakah tindakan dapat diambil? Adakah Kementerian pernah membuat serbuan ke atas kawasan-kawasan RISDA, FELCRA dan FELDA yang melindungi banyak pendatang-pendatang haram ini, kalau tidak mengapa?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jelaskan tadi, kita memang bertegas berkenaan dengan kedudukan majikan-majikan yang menggaji pendatang-pendatang haram ini dan kita sentiasa mengadakan serbuan ke tempat-tempat yang kita mendapat maklumat bahawa ada pendatang-pendatang haram yang digajikan oleh majikan-majikan. Ini tidaklah kita menentukan sama ada kawasan itu kawasan FELCRA, RISDA dan sebagainya seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Bila ada maklumat, kita serbu di mana sahaja tempat, tidak kira apakah projek yang dijalankan di situ; asal kita dapat maklumat kita serbu dan ini terhad juga kepada kedudukan kakitangan kita sama ada mencukupi ataupun tidak kerana dalam Kementerian, kita bukan ini sahaja kerja yang kita jalankan.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat mengatakan mendaftar mereka ini, ini juga bukan bidang kuasa kita mendaftar orang-orang yang masuk secara haram ke negara ini. Setengah mereka tidak bekerja di ladang dan juga bekerja di tempat lain.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu pengetahuan umum bahawa sebahagian ramai daripada peniaga-peniaga kecil atau penjaja-penjaja di kawasan Chow Kit di Kuala Lumpur adalah pendatang-pendatang haram

dari Indonesia. Tandingan daripada pendatang-pendatang haram itu telah pun menjejaskan perniagaan dan kehidupan ramai penjaja-penjaja di kawasan itu terutamanya penjaja-penjaja orang Melayu. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan supaya menyelesaikan masalah ini?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir bahawa soal ini berkait dengan soalan asal saya. Kalau Yang Berhormat mahu tahu soal di Chow Kit, silalah Yang Berhormat menyoal kepada Menteri Wilayah Persekutuan ataupun Kementerian yang lain.

#### PERUNTUKAN KEPADA KAMPUNG BARU/ KAMPUNG TRADISIONAL

**10. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah wang yang telah diperuntukkan dan digunakan untuk kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisi bagi tahun 1984, 1985 dan 1986 dan menerangkan mengapa terdapat perbezaan;
- (b) berapa banyakkah kampung-kampung baru dan jumlah penduduknya setakat ini; dan
- (c) berapa banyak bilangan gerangan tanah yang dikeluarkan kepada penghuni-penghuni Kampung-kampung Baru pada tahun-tahun 1984, 1985 dan 1986 serta berdasarkan kaum.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai):** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1984 peruntukan untuk kemajuan Kampung Baru adalah \$2.5 juta. Untuk tahun 1985 dan 1986

peruntukan pembangunan Kampung-kampung Baru adalah masing-masing \$3 juta dan \$6 juta.

Mengenai peruntukan bagi Kampung Tradisional pula, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tiada peruntukan khusus disediakan untuknya. Kampung-kampung Tradisional di luar bandar akan mendapat faedah dari rancangan-rancangan pembangunan luar bandar di bawah beberapa program seperti program bekalan elektrik, air luar bandar, jalan luar bandar dan lain-lain. Program-program ini juga memberi faedah kepada Kampung-kampung Baru di kawasan luar bandar. Peruntukannya pula dikeluarkan mengikut program bagi tiap-tiap negeri dan tidak mengikut jenis-jenis kampung.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi 1986 untuk program-program Pembangunan Luar Bandar yang termasuk Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

- (1) Bekalan Elektrik — \$180 juta Luar Bandar
- (2) Bekalan Air Luar — \$109 juta Bandar
- (3) Menaikkan Taraf — \$118 juta Jalan Kampung

Untuk menjawab bahagian (b), bilangan Kampung Baru yang ada sekarang adalah 452 buah. Mengikut rekod Kementerian saya, jumlah penduduk pada tahun 1983 adalah lebih kurang 1.6 juta penduduk.

Untuk menjawab bahagian (c), Kementerian saya tidak menyimpan rekod mengenai bilangan geran tanah yang dikeluarkan pada setiap tahun ataupun mengikut kaum. Akan tetapi, sehingga bulan Disember 1983 sebanyak 53,413 suratan hakmilik telah pun dikeluarkan kepada penduduk-penduduk Kampung Baru.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria untuk memberi suratan-suratan hakmilik kepada penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru memandangkan sebilangan besar daripada penduduk-penduduk asal iaitu mereka yang dipindahkan ke Kampung-kampung Baru dalam tahun lima puluhan dahulu telah berhijrah ke tempat-tempat lain ataupun telah meninggal dunia?

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai suratan hakmilik adalah satu perkara yang melibatkan kuasa Kerajaan Negeri dan ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri yang berkenaan.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalaulah beliau mempunyai angkanya di sini, berapakah jumlah Kampung Tradisi yang terdapat di seluruh negara?

Yang kedua, saya hendak tahu manakah yang lebih tersusun dan yang lebih lengkap dari segi kemudahan-kemudahan asas, sama ada Kampung Tradisi ataupun Kampung Baru?

Akhir sekali saya hendak bertanya, setakat ini berapakah jumlah Kampung Tradisi yang pernah dilawati oleh beliau sendiri?

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama itu, saya minta notis supaya dapat diberikan angka yang diminta.

Untuk menjawab bahagian yang kedua iaitu perbezaan antara tahap pembangunan bagi Kampung-kampung Baru atau Kampung-kampung Tradisi yang mana lebih tersusun, saya ingat seperti yang saya katakan dalam Dewan ini minggu

dahulu, tahap pembangunan bagi Kampung-kampung Baru dengan Kampung-kampung Tradisi adalah berbeza. Ini disebabkan alasan-alasan yang berkenaan, tetapi bagi kawasan-kawasan Kampung Baru, masalahnya adalah lain sedikit dengan Kampung-kampung Tradisi kerana masalah kepadatan. Di Kampung-kampung Baru pada masa darurat dahulu, jumlah penduduknya cuma berjumlah 500,000 orang, sekarang sudah meningkat kepada 1.6 juta orang.

Untuk menjawab soalan bahagian yang ketiga iaitu mengenai lawatan saya ke Kampung-kampung Baru atau ke Kampung-kampung Tradisi, jawapan saya ialah saya masih belum dapat menjadualkan lawatan ke mana-mana tempat kerana terikat kepada urusan di Dewan Rakyat ini (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 11 dengan pembetulan atas kesilapan saya. Dalam soalan saya No. 11 (*d*) sepatutnya dibaca seperti berikut: "perangkaan terakhir terhadap nisbah perkhidmatan hutang", bukan "perimbangan", iaitu "debt service ratio".

## HUTANG NEGARA

**11. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah hutang luar negeri yang dihutangi oleh—
  - (i) Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan serta Agensi-agensi Kerajaan;
  - (ii) Kerajaan Negeri dan Badan-badan serta Agensi-agensinya;

(iii) Sektor swasta pada bulan September, 1986.

- (b) perangkaan jumlah hutang negara pada bulan September, 1986;
- (c) adakah Kerajaan telah meminjam lebih penjamin luar bagi membayar hutang-hutang semasa dalam tahun 1986;
- (d) perangkaan terakhir terhadap nisbah perkhidmatan hutang di Malaysia;
- (e) bagaimanakah masalah hutang luar negeri akan bertambah buruk disebabkan peningkatan nilai matawang Yen Jepun; dan
- (f) adakah hutang-hutang luar negeri tertentu ditangguh dan dijadual semula pembayarannya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang luar sektor awam yang meliputi hutang Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan serta Agensi-agensi Kerajaan pada 30hb September tahun ini ialah sebanyak \$42,169 juta. Pada tempoh yang sama, pinjaman luar sektor swasta ialah \$7,701 juta.

Jawapan kepada (*b*), jumlah hutang Kerajaan Persekutuan bulan September 1986 ialah sebanyak \$72,408 juta.

Bagi jawapan kepada (*c*), untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan pasaran kewangan antarabangsa supaya sesuatu tindakan kewangan yang berkesan dapat diambil. Memandangkan kepada keadaan pasaran kewangan sekarang, Kerajaan tidak membuat pinjaman pada tahun ini untuk maksud membayar hutang-hutang semasa.

Bagi jawapan kepada (d) — sebenarnya kita sudah awal-awal taruh “nisbah” — Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah bayaran balik hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan pada akhir 1985 ialah 6.6%. Kadar ini dijangka meningkat menjadi 9.2% pada tahun 1986 ini.

Jawapan kepada (e), Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab sewaktu saya menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas semalam (10-11-1986).

Jawapan kepada (f), seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan tidak pernah menanggung dan tidak akan menjadualkan semula pembayaran hutangnya. Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk membuat pembayaran lebih awal pinjaman yang mempunyai kadar faedah yang tinggi dengan pinjaman baru yang kadar faedahnya lebih rendah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalan tambahan, berapa banyakkah amaunnya untuk hutang luar negeri yang \$42 billion itu terdiri daripada pinjaman OBA dan dengan nisbah yang disebutkan iaitu 9.9% itu, adakah ini paras yang bahaya? Kalau tidak, apakah paras yang dianggap bahaya?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, daripada \$42,000 juta hutang Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan serta Agensi-agensi Kerajaan, kira-kira \$15,005 juta adalah pinjaman yang dibuat oleh Badan-badan dan Agensi-agensi Kerajaan. 9.2% sebagai nisbah bayaran balik hutang luar negeri adalah satu angka yang tidak begitu baik, tetapi kita masih tidak menganggap ini sebagai merbahaya oleh sebab kita masih lagi berupaya membayar hutang-hutang mengikut jadual yang telah ditentukan. Seperti

saya katakan tadi, kita tidak bercadang untuk menjadualkan semula pembayaran hutang ini.

Walau bagaimanapun kita akan cuba mengurangkan nisbah ini kepada peringkat yang lebih baik seperti tahun lepas 6.6% ataupun 6% sahaja. Kita menganggap bahawa 17%, 18% adalah satu angka yang membimbangkan. Tetapi kita percaya kita tidak akan sampai ke peringkat itu.

## SEKOLAH MISSION

**12. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa buah sekolah mission di negara ini dan nyatakan sama ada Kementerian ini berniat untuk—

- (i) memastikan yang sekolah-sekolah ini diketuai oleh orang-orang Kristian dari Mazhab yang sama; dan
- (ii) membenarkan sekolah-sekolah “mission” mengekalkan sifat-sifat mazhab Keristian, jika tidak, beri sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 156 buah sekolah mission di negara ini iaitu 95 buah sekolah rendah dan 61 buah sekolah menengah.

Bagi jawapan untuk bahagian:

- (i) Jawapan Pengetua/Guru Besar di sekolah-sekolah adalah jawatan kenaikan pangkat. Oleh itu perlantikan ke jawatan-jawatan tersebut dibuat tertakluk kepada peraturan-peraturan kenaikan pangkat yang sedia ada sekarang termasuk kebolehan, kecekapan, kekananan dan kesesuaian calon-calon. Walau bagaimanapun dalam perkara ini, Kementerian Pelajaran sentiasa mengadakan rundingan

dengan sekolah-sekolah yang berkenaan. Biasanya calon-calon yang dikemukakan oleh pihak sekolah berkenaan bukanlah hanya terdiri dari pegawai-pegawai beragama Kristian dari mazhab yang sama sahaja tetapi juga terdiri daripada pegawai-pegawai yang bukan dari mazhab yang berkenaan ataupun bukan beragama Kristian. Oleh itu Kementerian pelajaran tidak dapat memastikan bahawa Pengetua atau Guru Besar sekolah-sekolah mission terdiri hanya daripada pegawai-pegawai yang beragama Kristian dari mazhab yang sama.

- (ii) Kementerian Pelajaran tidak pasti apakah yang dimaksudkan dengan "sifat-sifat kekeristianan" dalam soalan ini. Walau bagaimanapun Kementerian ini tidak ada halangan sekolah-sekolah mission mengekalkan identiti mereka asalkan sekolah-sekolah tersebut mengambil kira kepentingan dan sensitiviti pelajarannya yang terdiri dari berbagai-bagai kaum dan agama.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah cadangan-cadangan Kementerian Pelajaran untuk menentukan supaya penerapan nilai-nilai Islam dijadikan satu daripada mata pelajaran di sekolah-sekolah mission Kristian di negara ini?

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang berusaha setakat ini bukan untuk orang-orang yang bukan beragama Islam, tetapi untuk anak-anak kita yang beragama Islam. Saya rasa dalam rancangan kita dalam KBSR dan KBSM yang kita sedang gubal sekarang pun, kita juga mengambil kira perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut berakhir.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan 1, 13 hingga 15 adalah diberi di bawah ini)*

### HARGA MINYAK MENTAH

1. **Drs Suleiman bin Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan sejak kejatuhannya harga minyak mentah dunia kerana bekalan minyak berlebihan daripada permintaan, berapakah negara telah kerugian dari hasil minyak mentah kita.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Harga minyak mentah dijangka jatuh sebanyak 46.5% pada tahun ini berbanding dengan tahun 1985. Negara dijangka akan mengalami kerugian dari kejatuhan pendapatan eksport minyak mentah sebanyak \$3,420 juta bagi keseluruhan tahun 1986.

Dari segi pungutan hasil oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1986, akibat dari kejatuhan harga minyak mentah, Kerajaan dijangka memperolehi lebih kurang \$5.501 juta dari pungutan-pungutan duti eksport, royalti, dividen dan cukai pendapatan petroleum. Jumlah ini adalah \$816 juta lebih rendah jika dibanding dengan pungutan hasil dalam tahun 1985 iaitu sebanyak \$6.318 juta.

### BAYARAN PINJAMAN LEWAT

13. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) wang bunga dendaan yang tertinggi dan terendah yang dikenakan ke atas pembayaran semula pinjaman yang lewat oleh:

- (i) Bank-bank perdagangan;

- (ii) Bank-bank saudagar;
- (iii) Syarikat kewangan dan sebutkan nama institusi-institusi tersebut. Adakah tindakan sedang diambil untuk membatalkan wang bunga dendaan;
- (b) adakah akaun semasa akan diberikan wang bunga dan jika begitu bilakah ia akan dilaksanakan dan berapa peratuskah wang bunga itu.
- (c) jumlah cukai sejak tahun lalu yang hilang akibat pelaksanaan cukai tetap sebanyak 5% ke atas wang bunga tidak mengira tingkatan cukai seseorang (tax Bracket).
- (d) sama ada yuran memproses permohonan pinjaman bank akan dibatalkan dan bayaran peguam dapat dibahagikan di antara peminjam dan institusi kewangan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:**

- (a) Kadar faedah penalti yang dikenakan ke atas pembayaran pinjaman yang lewat adalah berbeza dari satu institusi kewangan dengan yang lain. Tujuan mengenakan penalti ini adalah semata-mata untuk menghindarkan sesiapa dari melambatkan pembayaran. Bank Negara Malaysia sedang menimbangkan kemungkinan menyelaraskan kadar faedah penalti yang dikenakan oleh institusi kewangan. Ini adalah satu rancangan yang rumit kerana kadarnya berbeza disebabkan oleh keadaan setiap peminjam yang berlainan.

- (b) Kemungkinan untuk membayar faedah bagi akaun semasa sedang dikaji. Ahli Yang Berhormat perlulah mengambil perhatian bahawa dengan

membayar faedah bagi akaun semasa, ini akan mengakibatkan faedah yang lebih tinggi yang dikenakan ke atas peminjam-peminjam.

- (c) Oleh kerana kebanyakan orang tidak mengisytiharkan pendapatan dari faedah, cukai pegangan (withholding tax) sebanyak 5 peratus atau pendapatan dari faedah dijangkakan memberikan hasil. Sejak perlaksanaannya pada bulan Januari 1986 sehingga Jun 1986, Kerajaan telah memungut sebanyak \$20.6 juta cukai yang tersebut.
- (d) Peraturan-peraturan Persatuan Bank-bank di Malaysia menyatakan bahawa tiada pembayaran akan dikenakan bagi memproses permohonan pinjaman. Walau bagaimanapun, bank-bank adalah dibenarkan mengenakan yuran memproses untuk pinjaman perumahan yang diluluskan oleh mereka, mengikut skel yang berikut:

<i>Saiz Pinjaman</i>	<i>Yuran Memproses Yang dikenakan</i>
Sehingga \$30,000	\$50
\$30,001—\$100,000	\$100
Melebihi \$100,000	\$200

Persoalan mengenai pembahagian bayaran guaman di antara institusi kewangan dan peminjam adalah masih dalam perbincangan dengan institusi kewangan.

**TAMIL TIGERS—PERJUANGAN**

14. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah menerima apa-apa laporan atau maklumat yang menunjukkan Rakyat Malaysia

keturunan India telah secara rahsia menerima latihan tentera dan kini terlibat dalam memperjuangkan untuk mendapatkan sebuah negara yang berasingan di Sri Lanka bersama dengan "Tamil Tigers" dan jika ya, jumlah rakyat Malaysia yang dibunuh atau tercedera dalam perjuangan tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Kerajaan setakat ini tidak menerima sebarang maklumat mengenai terdapatnya rakyat Malaysia yang telah menerima latihan ketenteraan dan selanjutnya terlibat dalam perjuangan "Tamil Tigers".

#### SENJATAPI—PENGUNAAN

**15. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan had yang berkuasa di atas anggota-anggota polis dalam perkara penggunaan senjatapi mereka terhadap orang-orang awam yang disyaki telah melakukan kesalahan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seorang pegawai polis dibolehkan melepaskan tembakan dalam keadaan-keadaan seperti berikut:

- (i) menghadapi serangan-serangan ke atas balai-balai atau pondok-pondok polis yang jika tidak dipatahkan akan mengakibatkan kematian atau kecederaan dan sebagainya;
- (ii) serangan-serangan yang membahayakan keselamatan anggota polis berkenaan;
- (iii) dalam usaha menyelamatkan mangsa-mangsa dalam kes cubaan merogol jika cara-cara lain tidak berhasil;

- (iv) untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda awam, misalnya dalam kes cubaan merompak, pecah rumah pada waktu malam hari dan kes cubaan membakar bangunan-bangunan/rumah;
- (v) untuk menangkap atau menghalang seseorang itu dari melepaskan diri yang jika ianya disabitkan kesalahannya boleh membawa kepada hukuman mati atau penjara seumur hidup;
- (vi) untuk menangkap seseorang seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 74, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960;
- (vii) untuk menangkap seseorang di dalam kereta yang mana dipercayai orang itu jika disabitkan kesalahannya boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup;
- (viii) orang yang dipercayai pengganas komunis atau kuncu-kuncunya.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Pertama).

Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*perkerusi* Jawatankuasa)

3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$12,634,896,140 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1987 di bawah Maksud Bekalan B. 1 hingga B. 57 bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$6,672,535,390 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1987 di bawah Maksud Pembangunan P.7, P.8, P.13, P.14, P.16 hingga P.28, P.31, P.33 hingga P.37, P.39 hingga P.42 dan P.44 hingga P.58 bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan seperti yang ditunjukkan di dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 1986 jadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk memberi ucapan yang panjang dalam peringkat Jawatankuasa ini, oleh kerana tujuan-tujuan utama mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan yang dicadangkan itu telah pun dihuraikan di dalam Ucapan Belanjawan pada 24hb Oktober yang lalu. Di samping itu, penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan ini boleh juga didapati dalam penyata daripada Kementerian Kewangan, mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 40 Tahun 1986.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini adalah hari pertama kita membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa Perbekalan. Kita ada 16 hari diperuntukkan bagi membincangkan 24 Kementerian dalam Jawatankuasa ini.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (12) dalam Jawatankuasa ini, saya petik, "Perbahasan hendaklah dihadkan kepada dasar khidmatan yang hendak diuntukkan wang itu dan tidak boleh membahaskan mengenai butir-butir perbelanjaan. . . .".

Apa yang dimaksudkan ialah misalnya, dalam usaha mendirikan rumah atau bangunan, khidmat yang boleh didapati daripada pembinaan rumah itu boleh dibahas, tetapi butir-butir perbelanjaan seperti berapa wang yang digunakan untuk membeli paku, kayu, simen, atap dan sebagainya tidak boleh dibahas. Oleh kerana itu, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila berbahas kelak, hendaklah menyebut perkara-perkara yang berkaitan sahaja dan bagi kemudahan rujukan Ahli-ahli Yang Berhormat diminta supaya menyatakan, sebagai misalan, (a) muka berapa; (b) Maksud Bekalan berapa dan (c) Butiran berapa dalam Belanjawan Persekutuan 1987 atau Kertas Perintah 41 Tahun 1986 yang akan menjadi buku rujukan utama dalam perbahasan kita di peringkat Jawatankuasa ini. Rujukan-rujukan mukasurat dan sebagainya ini hendaklah disebut sebelum Ahli-ahli Yang Berhormat memulakan ucapan.

*Maksud B.1 hingga B.12 (Jadual)—*

*Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sekarang saya kemukakan Kepala B.1 hingga B.12 dan Kepala P.7 hingga P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk dibahaskan.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.40 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyertai perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa dan saya ingin menyentuh lima perkara.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kertas Perintah berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lee Lam Thye:** B.1, B.4, B.7. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kertas Perintah yang mana?

**Tuan Lee Lam Thye:** Kertas Perintah 41, Buku Belanjawan Persekutuan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Muka surat berapa?

**Tuan Lee Lam Thye:** Yang pertama saya ingin menyentuh muka surat 25, Maksud Bekalan B.1 iaitu mengenai Parlimen.

Saya hendak tujukan perbahasan saya atas urusan Parlimen, Program/ Aktiviti 010200—Mengurus dan Mentadbir Dewan-dewan Parlimen.

Berhubung dengan penyenggaraan hal ehwal Parlimen, saya suka menyentuh tentang urusan sidang Dewan Rakyat dan urusan persidangan Parlimen pada amnya. Sebagai Wakil-wakil Rakyat atau Ahli-ahli Parlimen

kami semua committed, dengan izin, kepada sistem demokrasi berparlimen. Memandangkan kepada penglibatan kita kepada demokrasi berparlimen adalah juga penting bagi kita menjadikan demokrasi berparlimen satu sistem pemerintahan yang berjaya dan memastikan bahawa Parlimen mestilah merupakan satu institusi yang hidup dan dinamis yang berupaya menyesuaikan dengan keperluan perubahan masa dan kehendak-kehendak umum.

Maka dengan pandangan ini saya suka mencadangkan bahawa masanya telah tiba bagi kita melihat dalam apa carakah Dewan Rakyat kita telah memenuhi objektif ini.

Kita akan menyambut ulangtahun kemerdekaan negara yang ke-30 pada tahun hadapan dan kini kenalah masanya bagi kita meninjau atau meneliti soal untuk mengadakan reformasi Parlimen. Dewan Rakyat hendaklah menubuhkan satu jawatankuasa semua parti yang diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua untuk mengkaji cadangan untuk mengadakan reformasi Parlimen bagi menjadikan Parlimen kita lebih bermakna dan berkesan bagi memenuhi perjuangan pemerintahan demokrasi berparlimen.

Terdapat banyak bidang yang mana jawatankuasa semua parti mengenai reformasi Parlimen boleh dan seharusnya meneliti dan mengkaji seperti:

- (1) menambahkan lagi masa Parlimen bagi urusan Persidangan Parlimen. Jumlah bilangan Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat telah bertambah dari 104 ke 144 orang dalam tahun 1963 kepada 154 orang dalam tahun 1974 dan sekarang berjumlah 177 orang Ahli Dewan Rakyat. Tetapi masa persidangan Parlimen tidak bertambah menurut keperluan;

- (2) Jawatankuasa yang disyorkan oleh saya ini boleh mengkaji bagaimana prinsip kawalan Parlimen ke atas Eksekutif telah berjalan dalam tempoh 30 tahun yang lalu;
- (3) Bagaimanakah keberkesanan Parlimen dalam memberi pengawalan ke atas kewangan Kerajaan sama ada menerusi Jawatankuasa Kira-kira Awam ataupun oleh keseluruhan Dewan itu sendiri;
- (4) Bagaimana menjadikan masa Soal Jawab lebih berkesan dalam memberikan maklumat dan meminta penjelasan daripada Menteri dan Timbalan Menteri;
- (5) Keperluan mengadakan jawatankuasa pakar bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen memberikan pengkhususan dan mengambil bahagian dalam pelbagai proses membuat keputusan mengenai dasar-dasar Negara seperti mengadakan satu jawatankuasa khas mengenai hal ehwal luar negeri ataupun mengadakan jawatankuasa kewangan, pelajaran, pertanian, pengangkutan dan lain-lain;
- (6) Jawatankuasa ini haruslah mengkaji perubahan dan perkembangan terbaharu dalam lain-lain Parlimen dan Perundangan yang boleh dipakaikan di negara kita.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 28 dalam Kertas Perintah 41, Maksud Bekalan B.4—Suruhanjaya Pilihanraya.

Berhubung dengan perjalanan pilihanraya, kami ingin mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana peranan yang telah dimainkannya bagi menjamin pilihanraya umum tahun 1986

dijalankan dengan licin dan aman selaras dengan proses demokrasi berparlimen. Meskipun terdapat kelemahan-kelemahan Suruhanjaya Pilihanraya seharusnya dipuji kerana telah menjalankan pilihanraya dengan licin dan tanpa suatu kejadian yang buruk berlaku yang menjadi pemandangan biasa di negara-negara lain di rantau ini.

Sepertimana yang saya sebutkan awal tadi, Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai beberapa kelemahan dan ini mesti diatasi dengan tujuan untuk menjadikan sebagai satu badan yang benar-benar bebas dan juga untuk menambah kecekapan dalam semua hal yang berkaitan dengan pendaftaran para pengundi dan persempadanan semula kawasan pilihanraya di samping mengendalikan pilihanraya.

Satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih. Saya ingin mengulangi semula seruan saya, parti DAP di sini bahawa satu cara Suruhanjaya Pilihanraya boleh lakukan untuk meningkatkan fungsinya berhubung dengan pendaftaran pengundi ialah dengan cara memperkenalkan pendaftaran pengundi sepanjang tahun.

Saya difahamkan Suruhanjaya Pilihanraya sedang merancang suatu sistem pendaftaran pemilih terus menerus sepanjang tahun. Suruhanjaya telah mengkaji sistem pendaftaran pemilih yang digunakan di New Zeland dan di Australia. Adalah menjadi harapan saya bahawa Kerajaan akan bersetuju untuk memperkenalkan pendaftaran pemilih sepanjang tahun kerana inilah satu sistem yang benar-benar cekap yang boleh digunakan pada masa yang akan datang.

Jika cadangan sistem ini boleh dipakai ini bermakna pengesahan daftar pemilih boleh dilakukan pada

setiap bulan atau lebih kerap lagi. Dan bukan lagi pada sistem yang ada sekarang yang didapati lambat oleh kerana pendaftaran pemilih hanya terhad kepada tempoh 42 hari sahaja. Cadangan sistem pendaftaran pemilih sepanjang tahun akan juga membantu Suruhanjaya Pilihanraya supaya lebih cekap dalam mendaftar pengundi, membatalkan nama yang telah meninggal dunia dan menyemak pendaftaran dua kali dan pertukaran alamat yang lebih cepat. Suruhanjaya Pilihanraya tidak akan menghadapi kesusahan dalam melaksanakan ini oleh kerana ada program komputer. Apa yang diperlukan ialah Kerajaan memberikan kelulusan dengan diikuti dengan pindaan beberapa bahagian dalam Perlembagaan yang berkaitan dengan pilihanraya.

Sekarang saya ingin menyentuh, Tuan Pengerusi, kepada Maksud Bekalan B.7, Jabatan Perdana Menteri, muka surat 33. Yang pertama, saya ingin berucap mengenai Program/Aktiviti 010500 Biro Pengaduan Awam.

Daripada laporan akhbar baru-baru ini, saya mendapati bahawa Biro Pengaduan Awam telah disusun semula dan diberikan lebih banyak kuasa yang mana pegawai-pegawainya sekarang dibekalkan kuasa yang membolehkannya menjalankan siasatan ke dalam aduan-aduan yang serius berhubung dengan jentera pentadbiran Kerajaan dan lain-lain agensi awam. Kuasa-kuasa menyiasat telah diberikan atas nasihat Jawatankuasa Tetap mengenai pengaduan awam yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara. Saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Tetap mengenai Pengaduan Awam kerana telah membantu memperkemas Biro Pengaduan Awam dan membolehkannya mengambil pendekatan investigative, dengan izin, dalam mengendalikan aduan-aduan.

Pada masa-masa yang lalu, saya telah berkali-kali menyuarakan mengenai Biro Pengaduan Awam dalam Dewan yang mulia ini supaya lebih banyak kuasa diberikan kepada Biro ini bagi membolehkannya memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai badan penyelesaian dan bukan jabatan penyaluran masalah. Biro pada masa yang lalu menghadapi kekurangan kuasa untuk memproses dan menyiasat aduan-aduan. Ini menyebabkan imej Biro kurang baik kerana Biro dipandang sebagai tindakan token, dengan izin dalam bahasa Inggeris, kepada accountability awam atau dalam Bahasa Inggeris "token gesture of accountability.

Pada masa lepas saya telah menekankan bahawa untuk menjadikan proses pemerintahan demokrasi lebih baik dan menggalakan keyakinan rakyat dalam perkhidmatan awam, sebuah Biro untuk pengaduan awam bukanlah hanya merupakan apa yang saya sifatkan sebagai, dengan izin, window dressing sahaja. Walau bagaimanapun, saya merasa khuatir segala usaha-usaha sekarang untuk memperkuat Biro ini mungkin terjejas memandangkan peruntukan yang diminta untuk Biro tidak berbeza antara tahun ini dengan tahun hadapan. Dengan adanya kerja-kerja penyiasaan yang agak memerlukan masa yang lama, sudah tentu bilangan pegawai yang sedia ada tidak mencukupi.

Mengikut fahaman saya menerusi bacaan surat-surat khabar, Biro ini menerima lebih kurang 2,000 aduan tiap-tiap tahun. Ini menunjukkan kerja-kerja begitu berat dipikul oleh kakitangan yang tidak ramai bilangannya. Walaupun saya sedar bukannya semua kes aduan akan disiasat secara langsung, akan tetapi cuma perkara-perkara yang serius. Namun demikian, saya berpendapat peruntukan yang sedia ada diminta

supaya ditambahkan lagi. Dalam perhitungan saya, pertambahan ini sekurang-kurang dalam lingkungan 20% termasuk tenaga kepegawaian.

Sebagaimana yang saya sebutkan pada awal tadi, Biro adalah sebuah badan yang memberi khidmat yang sangat diperlukan oleh rakyat. Atas hakikat ini, segala langkah dan usaha termasuk pemberian peruntukan yang benar-benar mencukupi harus diberi kepada Biro itu. Sebenarnya masa sudah tiba bagi Biro ini menjalin hubungan yang erat dengan semua Wakil-wakil Rakyat serta berunding bersama atas masalah dan rungutan orang ramai terhadap jentera Perkhidmatan Awam. Tidak dapat dinafikan bahawa rakyat merupakan satu punca penting yang dapat memberi maklumat kepada Biro tentang masalah rakyat dengan Jabatan-jabatan Kerajaan. Menerusi kerjasama rapat antara Wakil Rakyat dan Biro maka tugas dan kerja kedua-dua pihak akan bertambah mudah lagi di samping menjaga kepentingan masyarakat. Saya mengesyorkan supaya pegawai-pegawai Biro melawat ke pejabat-pejabat Wakil-wakil Rakyat juga dari semasa ke semasa untuk mengambil tahu perkara-perkara yang biasanya diadakan oleh rakyat.

Dalam persidangan Dewan yang lepas, saya telah membangkitkan cadangan supaya cawangan Biro ditubuhkan di peringkat negeri. Pada masa ini Biro hanya bertempat di Kuala Lumpur. Kerajaan telah memberi jaminan akan menubuhkan cawangan-cawangan itu sebaik sahaja keadaan ekonomi dipulih. Nampaknya pada masa ini tiada tanda positif bila pemulihan itu bermula. Mungkin ini akan mengambil masa beberapa tahun lagi. Sebaliknya khidmat Biro dengan imej dan "*modus operandi*", dengan izin, yang baru haruslah juga dinikmati oleh semua rakyat terutamanya yang

dalam golongan miskin dan kurang berpendidikan. Golongan ini biasanya tertindas kerana tidak mengetahui peraturan dan perjalanan jentera perkhidmatan awam dan mereka memerlukan panduan dan pertolongan Biro. Memandangkan alasan itu, saya percaya dengan adanya cawangan-cawangan Biro, dapatlah mereka pergi mengadu serta menemui pegawai-pegawai Biro atas kes-kes mereka. Saya percaya dengan peluang bersemuka dengan pegawai Biro, pihak pengadu akan merasai lebih selesa di samping aduan itu dapat dibincangkan dengan jelas. Saya sangat berharap Kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya atas syor penubuhan cawangan-cawangan Biro dan janganlah pula mengaitkan soal ini dengan keadaan ekonomi sekarang.

Tuan Pengerusi, Kerajaan adalah committed, dengan izin, kepada tiga objektif utama pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. Adalah menjadi pandangan saya bahawa Biro Pengaduan Awam mempunyai peranan penting yang boleh dimainkan untuk mencapai objektif ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menjelaskan dalam jawapannya kepada saya bahawa objektif untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah adalah satu proses terus menerus. Saya suka mencadangkan bahawa Biro Pengaduan Awam hendaklah dipertingkatkan lagi dan diberikan kuasa untuk memandu, mendedah dan memperbetulkan penyelewengan Kerajaan daripada tiga objektif tadi. Sebagai contoh Biro bolehlah dibekalkan dengan kuasa untuk menerima aduan-aduan mengenai kes-kes yang mana standard sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah telah diselewengkan dari objektif asal dan bagaimana langkah-langkah boleh diambil untuk memperbetulkan penyelewengan ini.

Tuan Pegerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Maksud B.7 yang sama, mukasurat 34, Butiran 020000, mengenai peruntukan untuk Unit Perancangan Ekonomi.

Mengenai Unit Perancangan Ekonomi, saya ingin merujuk kepada perkara penswastaan oleh sebab ini ialah satu bidang yang diuruskan oleh Unit Perancangan Ekonomi. Memandangkan kepada kemerosotan ekonomi sekarang Kerajaan bergantung ke atas penswastaan bagi mengurangkan kos Kerajaan. Walau bagaimanapun, bagi menjayakan penswastaan, mestilah terdapat pembahagian program yang jelas dan projek-projek yang hendak diwujudkan. Mestilah terdapat perancangan yang sempurna dan keperluan untuk menggunakan satu strategi yang wajar bagi menjayakan konsep penswastaan ini. Seorang ahli ekonomi di Institusi Kajian Strategik Antarabangsa dan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Professor Ismail bin Mohd. Salleh berkata baru-baru ini bahawa Kerajaan tidak melaksanakan dasar penswastaan dalam cara yang sewajarnya dan tidak memberi penjelasan yang terang tentang kriteria untuk memilih calon-calon untuk penswastaan.

Pada amnya sektor swasta dan kepimpinan Kerajaan adalah bersependapat mengenai kegunaan jangka panjang dan kesan ekonomi ke atas penswastaan. Ianya satu pertolongan jika terdapat atau mengadakan satu pembahagian yang jelas, satu kriteria yang jelas mengenai program dan projek yang akan diwujudkan.

Dalam kes perusahaan dalam perbadanan awam yang wujud sekarang program penswastaan tidak semestinya dilaksanakan dalam cara yang sementara atau *ad hoc*, dengan izin. Ini mestilah diprogram secara

sistematik untuk dilaksanakan oleh sektor swasta dalam tempoh yang tertentu, misalnya untuk selama 5 tahun yang akan datang. Saya mencadangkan supaya sebuah badan penilai dasar penswastaan hendaklah ditubuhkan untuk maksud ini. Keahlian Lembaga ini hendaklah mengandungi wakil-wakil daripada sektor swasta, sektor awam, kesatuan sekerja dan pakar-pakar teknik seperti ahli-ahli ekonomi. Tugas-tugas badan penilai dasar penswastaan ialah untuk mengenalpasti perusahaan dan perkhidmatan awam dan apakah aspek perusahaan atau perkhidmatan yang perlu diwujudkan. Kriteria untuk memperuntukkan projek-projek mestilah dipastikan. Sebagai contoh, adakah tawaran awam atau tender awam menjadi amalan yang biasa? Adakah didasarkan kepada kecekapan pertandingan dan harga atau adakah kita perlu menggunakan lain-lain kriteria?

Penswastaan tidak sahaja harus tertumpu kepada pengurusan atau penyertaan ekuiti projek-projek fiscal, ia hendaklah juga meliputi pertambahan penyertaan sektor swasta dalam penggubalan dasar dan perancangan program pelbagai projek perusahaan termasuk industri berasaskan sumber dan teknologi. Pertukaran pengalaman bersama amat berguna. Penswastaan tidak bermakna bertindak menswastakan sebahagian besar perusahaan-perusahaan Kerajaan yang ada sekarang untuk syarikat-syarikat besar menerima faedah. Proses penswastaan hendaklah memberi faedah kepada setiap peringkat ekonomi dan setiap peringkat ekonomi. Pengeluaran alat-alat komponen kecil, pemborong kecil, pemberi perkhidmatan kecil dan setiap orang dan syarikat yang mempunyai satu peranan dan bahagian dalam proses penswastaan ini.

Sungguhpun terdapat peluang-peluang untuk sektor swasta yang timbul daripada penswastaan, terdapat

juga perkara-perkara yang membimbangkan seperti yang saya katakan tadi. Kerajaan tidak memberi kriteria penswastaaan dengan jelas. Walau bagaimanapun, jika diperhatikan dari pelbagai projek yang diluluskan untuk penswastaaan adalah jelas bahawa kebanyakan perusahaan dan perbadanan memerlukan pelaburan kewangan dan tenaga kepakaran teknik yang besar tetapi keuntungannya rendah.

Sektor swasta janganlah digunakan untuk memikul beban kegagalan bagi pihak Kerajaan. Apabila keadaan seperti ini berbangkit maka masyarakat Malaysia akan kerugian kerana ini melibatkan pemindahan proses subsidi secara dalaman dari pihak awam ke sektor swasta dengan mengorbankan masyarakat Malaysia. Kos ini masih serupa kepada negara, ianya bukan percuma.

Pelaburan swasta dibuat untuk mendapat keuntungan. Oleh yang demikian, seringkali terdapat kemungkinan berbangkitnya amalan eksploitasi jika sektor swasta diberikan monopoli seperti telekom, dalam hal barang-barang awam dan perkhidmatan kebajikan sebenarnya terdapat keperluan untuk melindungi orang ramai daripada salahguna Badan Penilai Dasar Penswastaaan boleh mengawasi perkara-perkara yang telah saya sentuh tadi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya suka beralih kepada mukasurat 34, Aktiviti Butiran 040200 Pasukan Petugas Anti Dadah. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berucap sepatah dua kata mengenai masalah dadah, oleh kerana nampaknya pihak DAP sentiasa dituduh bahawa kami tidak mengambil minat dalam perkara ini dan saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk berucap sepatah dua kata atas perkara ini. Wabak dadah masih merupakan

suatu ancaman kepada negara kita. Dari perangkaan yang diperolehi, bilangan penagih dadah yang dikesan dalam tempoh tahun 1970 hingga 1985 ialah 110,363 penagih dadah dan sekiranya kita ambil kira penagih-penagih yang belum dikenal pasti bilangannya menjadi empat hingga lima kali ganda jumlah yang dapat dikesan. Penagihan dadah telah merebak ke seluruh pelusuk tanahair tanpa mengira kawasan bandar atau luar bandar.

Dalam usaha memerangi masalah dadah strategi yang hendak dilaksanakan harus meliputi bidang-bidang yang berikut:

- (i) Bidang perundangan dan penguatkuasaan.
- (ii) Rawatan dan pemulihan.
- (iii) Pendidikan dan pencegahan dan penerangan.
- (iv) Penyelidikan.
- (v) Kerjasama antarabangsa.

Sungguhpun kita telah mengambil beberapa langkah dari segi perundangan termasuk menguatkuasakan undang-undang yang memperuntukkan hukuman mati tetapi nampaknya masalah dadah masih merupakan suatu ancaman kepada negara kita. Memandangkan kepada hakikat bahawa negara kita sentiasa dijadikan negara perantaraan ataupun, transit country, untuk penyeludupan dan pengedaran dadah.

Saya ingin menegaskan di sini tentang aspek kerjasama antarabangsa dalam memerangi masalah dadah ini. Saya berpendapat apa yang hendak ditekankan di sini ialah penerimaan oleh masyarakat antarabangsa masalah penagihan dan pengedaran dadah dianggap juga sebagai suatu ancaman kepada kestabilan dan keselamatan negara. Dengan itu, masyarakat dunia hendaklah bekerjasama dengan bersungguh-sungguh dalam usaha

menghapuskan pengeluaran dadah di seluruh dunia.

Masyarakat antarabangsa juga hendaklah digerakkan supaya mengambil tindakan yang segera untuk menyelamatkan jenerasi muda dari terperangkap dengan kegiatan-kegiatan dadah ini. Undang-undang yang membolehkan harta benda penganalisis-penganalisis dadah dirampas perlulah digubal dan dikuatkuasakan. Semula undang-undang dan hukuman atas kesalahan dadah di kalangan negara-negara hendaklah diseragamkan. Masyarakat antarabangsa perlu juga disedarkan tentang pentingnya memberi rawatan dan pemulihan berwajib kepada penagih-penagih dadah.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak beralih kepada mukasurat 35, Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, di bawah Butiran 070000. Berhubung dengan Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, saya suka mencadangkan kepada unit berkenaan supaya langkah-langkah tertentu diambil untuk meneliti pelbagai masalah sosio-ekonomi yang wujud dari kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara kita. Masalah segera yang mana unit ini perlu perhatikan ialah masalah pemberhentian pekerjaan dan pengangguran yang serius sekarang yang timbul dari kemelesetan ekonomi. Sejak Januari tahun 1985 sehingga sekarang lebih daripada 60,000 orang pekerja telah diberhentikan dan ini tidak termasuk mereka yang tidak bekerja sekarang.

Satu strategi khas hendaklah dirumuskan oleh Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi untuk membantu pekerja-pekerja diberhentikan ini dan para penganggur dan cadangan itu ialah strategi khas ini hendaklah mengandungi, pertama, Kerajaan Persekutuan hendaklah mengarah dan meminta Kerajaan Negeri mengambil perhatian segera untuk

memperuntukan tanah kepada semua mereka yang tidak bekerja yang berminat untuk menyertai lapangan bercucuk tanam barang-barang makanan, buah-buahan dan lain-lain. Permohonan untuk mendapatkan tanah bagi maksud ini hendaklah diproses dengan segera.

Kedua, Jabatan Perdana Menteri hendaklah mengarah semua pihak berkuasa tempatan supaya mengenal pasti lebih banyak kawasan yang sesuai untuk menjaja dan peniaga-peniaga kecil di samping meluluskan lebih banyak lesen penjaja yang memohon berniaga. Langkah-langkah hendaklah diambil untuk melonggarkan peraturan perlesenan tanpa mengorbankan kesihatan dan kebersihan. Ini bagi membolehkan. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Perkara itu berkenaan dengan Penyelidikan Sosio-Ekonomikah, Yang Berhormat?

**Tuan Lee Lam Thye:** Ini sebab saya untuk menyampaikan syor-syor tentang satu strategi khas yang harus diambil oleh Unit.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Itu syor-syor kepada Jabatan Perdana Menteri, ini Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Ya, betul.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ini Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Ya, ini ada mengenai masalah pengangguran masalah pemberhentian kerja, semua ini merupakan masalah sosio ekonomi yang dialami oleh ekonomi kita.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Keluar dari Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, yang buat penyelidikan tentang sosio

ekonomi, dia bukan mengambil tindakan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi boleh membuat penyelidikan atas masalah yang saya sebut tadi dan boleh mengemukakan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau Yang Berhormat hendak bahas, bahaslah dasar Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, adakah dia buat kerja lewat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Ya, apa yang saya kata tadi ada menyebut bahawa haruslah unit ini ditugaskan untuk membuat penyelidikan atas masalah sosio ekonomi yang telah timbul akibat kemelesetan ekonomi dan teruslah mengesyorkan rekomendasi kepada jabatan yang berkenaan untuk mengambil tindakan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Rekomendasi lain, Okay, teruskan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada muka surat 43. Maksud Bekalan B.10—Jabatan Peguam Negara. Berhubung dengan perkara Jabatan Peguam Negara, saya suka membangkitkan persoalan jawatan Peguam Negara dan mengapa beliau seharusnya bertanggungjawab ataupun accountable kepada Parlimen.

Saya suka mengambil peluang ini untuk mengulangi seruan pihak DAP kepada Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah untuk menjadikan jawatan Peguam Negara itu satu jawatan Kabinet dan bertanggungjawab kepada Parlimen. Semasa persidangan Parlimen dalam bulan April, 1986, bekas Menteri Kehakiman berkata bahawa Kerajaan akan mengambil satu keputusan tidak lama lagi sama ada Peguam Negara hendaklah menjadi Ahli Kabinet supaya beliau akan bertanggungjawab

kepada Parlimen. Sehingga sekarang Kerajaan masih belum membuat keputusan dan saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan untuk menjelaskan kedudukan atas perkara ini.

Peguam Negara sejak beberapa tahun dahulu pernah menjadi ahli Kabinet sehingga tahun 1980 apabila Kerajaan memutuskan untuk menukarkan kedudukan ini menjadi jawatan bukan Kabinet dan pada masa ini Peguam Negara bertanggungjawab secara langsung kepada Perdana Menteri. Keadaan ini tidak memuaskan hati kerana keputusan-keputusan beliau tidak boleh dipersoalkan di Parlimen. Oleh kerana Peguam Negara juga merupakan Pendakwa Raya, beliau mempunyai kuasa mutlak ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan pendakwaan. Pada masa ini keputusan Peguam Negara mengenai sama ada untuk mendakwa atau tidak setengah-setengah orang tidak boleh dipersoalkan oleh Dewan Rakyat. Ahli-ahli Dewan Rakyat tidak boleh mengemukakan apa-apa soalan kepada Peguam Negara mengenai pelbagai keputusan yang beliau telah berbuat atau menyoal sebab-sebab di belakang keputusan-keputusannya.

Oleh hal yang demikian, saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam ucapan menggulung akan menyentuh perkara ini dan memberi satu jawapan yang memuaskan.

Di atas perkara Jabatan Peguam Negara ini juga, kami suka meminta pihak Peguam Negara supaya menerangkan apakah yang beliau dan Jabatan yang berkenaan telah putuskan mengenai rekomendasi yang dibuat oleh Jawatankuasa Siasatan BMF yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Noordin, supaya tindakan jenayah diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam skandal

BMF? Kenapa Peguam Negara tidak menjalankan pendakwaan di bawah kesalahan jenayah terhadap mereka yang terlibat dalam skandal BMF sehingga hari ini? Adalah amat mendukacitakan bahawa Kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan undang-undang terhadap penipu-penipu BMF, sedangkan lain-lain negara seperti Hongkong dan London telah memulakan tindakan undang-undang untuk membawa penjenayah-penjenayah BMF ke muka pengadilan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 45, Maksud B.12 mengenai Jabatan Perpaduan Negara.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Butiran berapa?

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 010000 Pentadbiran Am dan juga Butiran 020000 — ada banyak “kosong” di sinilah — Perancangan dan Penyelidikan. Saya mendapati sebanyak \$16.5 juta adalah diperuntukkan kepada Jabatan Perpaduan Negara untuk tahun 1987.

Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah rancangan-rancangan konkrit Jabatan Perpaduan Negara untuk mengatasi pelbagai masalah dalam negara kita yang menghalang terwujudnya perpaduan negara. Sebagai contoh, apakah Jabatan ini sedang berbuat untuk mengatasi masalah polarisasi kaum yang semakin menjadi-jadi sekarang ini.

Kepada kami ini adalah sesuatu yang menyedihkan atau mencemuhkan, iaitu walaupun kita mempunyai sebuah Jabatan Perpaduan Negara, tetapi objektif untuk mencapai perpaduan negara

nampaknya semakin jauh untuk dicapai. Meskipun negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 29 tahun ini dan pula akan menyambut ulangtahun kemerdekaan negara yang ke 30 pada tahun depan, rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan hidup adalah semakin bimbang terhadap satu-satunya masalah besar yang dihadapi oleh negara ini yang tidak sahaja akan memberi kesan ke atas pemulihan ekonomi negara kita tetapi juga pengekalan rasa keyakinan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di dalam sistem pemerintahan dan Kerajaan kita dan masalah ini adalah masalah polarisasi kaum yang semakin meruncing.

Semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, agama atau parti politik seharusnya merasa bimbang mengenai masalah polarisasi kaum yang mana kita seharusnya terpaksa menerima kenyataan apabila semua rakyat Malaysia mestilah hidup bersama dan tinggal dalam aman dan harmoni sepertimana Bapa Malaysia dan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berkata beberapa hari yang lalu bahawa rakyat Malaysia mestilah hidup bersama kerana mereka tidak ada negara lain untuk pergi. Beliau berkata dan saya petikkan di sini:

“Tidak ada jalan lain untuk tinggal di negara ini melainkan duduk bersama-sama dalam suasana aman dan harmoni. Kita semua berada di sini, kita mestilah sanggup berpanas dan berhujan dan sedia mengatasi apa juga nasib dalam negara ini. Kita tidak boleh menyelamatkan diri kita sahaja tanpa memikirkan orang lain. Apa juga yang berlaku, kita akan merasai akibat yang sama.”

Kepada kami, Jabatan Perpaduan Negara menerusi program-program yang ada sekarang seperti program perhubungan masyarakat, Rukun

Tetangga, pendidikan dan lain-lainnya tidak berupaya untuk memainkan satu peranan yang berkesan untuk mengawasi polarisasi kaum dalam negara ini.

Untuk mengatasi polarisasi kaum ia memerlukan lebih daripada program-program perhubungan masyarakat. Kerajaan hendaklah mempunyai satu perspektif yang tepat tentang sebab-sebab polarisasi kaum dan bersedia untuk mengambil langkah berkesan atau berani untuk mengatasinya. Saya suka memberikan dua syor di sini untuk pertimbangan pihak Kerajaan:

- (1) Kerajaan hendaklah menyusun semula Lembaga Penasihat Perpaduan Negara bagi memastikan adanya perwakilan yang lebih luas bagi membantu, memperbaiki perhubungan kaum dan menggalakan perpaduan. Panel hendaklah disusun semula untuk memasukkan perwakilan daripada pelbagai pertubuhan. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Adakah itu di bawah Jabatan Perpaduan Negara?

**Tuan Lee Lam Thye:** Ya, oleh kerana di bawah Jabatan ini ada satu Panel yang telah ditubuhkan dan Panel ini dinamakan Lembaga Penasihat Perpaduan Negara dan saya ingin menyetujui perkara ini. Saya teruskan:

. . . . .Panel ini hendaklah disusun semula untuk memasukkan perwakilan daripada pelbagai pertubuhan sivik dan agama di samping dari berbagai lapisan masyarakat yang berupaya memberikan sumbangan yang positif bagi mengatasi masalah polarisasi kaum.

- (2) Langkah-langkah hendaklah diambil untuk menubuhkan sebuah institut perhubungan

awam yang mempunyai satu tanggungjawab tunggal untuk mencegah polarisasi kaum. Institusi ini hendaklah menumpukan perhatian ke atas isu-isu dan dasar-dasar yang mengakibatkan polarisasi kaum. Institut ini boleh meneliti insiden-insiden dan kejadian-kejadian yang mana sensitiviti sesuatu kaum tertentu telah disentuh yang membawa kepada wujudnya polarisasi kaum. Institut ini boleh juga menjalankan kajian yang mendalam sebab-sebab asal yang mewujudkan polarisasi kaum yang ada sekarang dan mencadangkan jalan-jalan penyelesaian bagi mengatasi atau mengurangkan masalah ini.

Jika institusi seperti ini ditubuhkan maka pihak DAP sedia menghulurkan bantuan dan sokongan yang penuh malahan bersedia menyertai dalam kegiatan-kegiatannya kerana kami merasa adalah menjadi tugas setiap rakyat Malaysia untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah polarisasi kaum di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Pendang.

4.08 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Pendang):** Tuan Pengerusi, saya cuma mengambil sedikit masa untuk membahaskan peruntukan di bawah Maksud B.3 Butiran 020000.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, muka surat berapa?

**Tuan Othman bin Abdul:** Mukasurat 27, Mengaudit Kira-kira Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri dan Butiran 030000—Mengaudit Kira-kira Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan dan berbagai Kumpulan Wang.

Setelah saya meneliti laporan-laporan dan penyata kewangan yang dimasukkan ke dalam Dewan ini oleh semua badan-badan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Badan-badan Berkanun yang mempunyai tanggungjawab terhadap Dewan yang mulia ini. Sejak tahun 1983 sehinggalah sekarang ini kita mendapati banyak kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam penyata-penyata kewangan yang disediakan. Laporan-laporan audit yang disediakan termasuklah teguran-teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara, nampaknya tidak begitu sangat diambil berat oleh Pegawai-pegawai penjaga bagi tiap-tiap Jabatan Kerajaan. Tentang kelambatan bagi menyiapkan atau menyudahkan penyata kewangan ini sudah menjadi satu amalan biasa kepada Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun Kerajaan.

Sebagai contohnya, di dalam Dewan ini penyata-penyata kewangan bagi Universiti Teknologi Malaysia yang baru-baru dimasukkan adalah Penyata Kewangan bagi tahun 1976, Penyata Kewangan bagi tahun 1977 sehingga Penyata Kewangan bagi tahun 1981. Ini menunjukkan betapa lemahnya badan-badan Kerajaan ini. Sebuah universiti yang seharusnya menunjukkan satu contoh yang baik tetapi gagal untuk menjalankan tugasnya dalam usaha untuk melengkapkan penyata kewangan ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa Kerajaan bercadang atau berusaha untuk memperbaiki, memperkemas kedudukan ataupun akaun-akaun Kerajaan termasuklah semua akaun badan-badan berkanun yang terletak di bawah kekuasaan Kerajaan ini. Jadi dengan ini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan melalui Jabatan Audit dapat melaksanakan tugas untuk memperbaiki kedudukan perkara ini.

Pertamanya dalam soal untuk memperbaiki sistem pengauditan wang-wang Kerajaan yang dibelanjakan terlalu banyak ini.

Walaupun saya faham bahawa telah banyak, ada dua tiga arahan misalnya, kita mempunyai Arahan Perbendaharaan (Treasury Instructions), dengan izin, kita ada lain-lain Arahan Kewangan, kita juga ada Perintah Am yang boleh Kerajaan memperketatkan kawalan perbelanjaan Kerajaan ini. Tetapi begitu banyak kelemahan-kelemahan berlaku. Sebagai contohnya, suatu tuntutan yang dibuat oleh seorang pemborong yang membawa beras dari Kedah ke Pulau Langkawi, jumlah tuntutan itu hanyalah \$13,000 tetapi pihak LPN Negeri Kedah telah menjelaskan bil itu sebanyak \$103,000—menunjukkan kelebihan \$100,000. Ini menunjukkan betapa tidak cekapnya ataupun lalainya pegawai yang menjalankan tugas itu, sedangkan cek yang perlu ditandatangani itu 3 orang yang diberi kuasa untuk menandatangani cek-cek itu. Sampai sekarang inipun perkara ini masih belum dapat diselesaikan dan tuntutan terhadap orang yang membuat tuntutan itu tidak dibuat. Kesalahan itu bukanlah kesalahan penuntut itu, tetapi kesalahan Jabatan Kerajaan yang berkenaan.

Inilah usaha yang patut diperkemas dalam keadaan negara yang meleset ini. Sesuatu perbelanjaan yang dibuat haruslah diteliti bentuk-bentuk, kerja-kerja dalam pengauditan Kerajaan ini. Pegawai-pegawai Kerajaan, Ketua-ketua Jabatan ini diberi tugas khas untuk menjaga wang Kerajaan ini, harus mengambil tindakan yang tegas. Haruslah mereka ini bertanggungjawab untuk menjaga kedudukan akaun-akaun Kerajaan ini.

Saya sudah melihat di dalam buku perbelanjaan ini, dalam perkara hapus kira (write-off) ini bertambah dari \$1

juta kepada \$5 juta untuk tahun 1987. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan perlu membayar kepada wang yang tidak perlu dibelanjakan sehingga \$4 juta kenaikannya. Ini teguran yang perlu saya sampaikan. Kalau sekiranya pengauditan Kerajaan, Pegawai-pegawai Penjaga yang berkemampuan untuk menjalankan tugas dengan baik itu dapat menunjukkan kecemerlangan dalam menjalankan tugasnya sudah pastilah wang untuk hapus kira ini tidak perlu naik, malah makin kurang Kerajaan membelanjakannya. Tahun 1976 sebanyak \$1 juta, tahun 1977 peruntukan naik jadi \$5 juta. Wang ini ialah untuk hapus kira atau, write-off, dengan izin. Ini menunjukkan bahawa kelemahan di dalam urusan pengendalian membentuk ataupun membuat Penyata Kewangan ini adalah satu perkara yang amat mustahak yang kita masih lagi pada peringkat yang lemah untuk memperbaikinya.

Saya berharap supaya Pegawai-pegawai Penjaga yang ditugaskan untuk menjaga kewangan Kerajaan ini dapat menunjukkan tanggungjawab dan dapat menyediakan Penyata Kewangan, kalau pun tidak terlalu awal, sekurang-kurangnya satu atau dua tahun bolehlah kita terima di masukkan sebagai Kertas Statut dalam Dewan ini. Tidaklah seperti Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia ini sehingga tahun 1976, 10 tahun baru dimasukkan ke dalam Dewan ini untuk tatapan kita bersama. Apa masalahnya pun saya tidak faham, kecil sahaja, berapa mukasurat sahaja. Adakah tidak mampu mereka ini untuk menjalankan tugas? Saya haraplah supaya Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab dalam soal ini dapat mengambil tindakan yang lebih ketat, seterusnya Kerajaan juga pernah berjanji dahulu, bahawa ia akan mengambil tindakan mengikut Perintah Am kepada Pegawai-pegawai Penjaga yang gagal untuk membaiki sistem perakaunan Kerajaan ini. Ini

soal yang amat mustahak, kita mengendalikan berjuta-juta ringgit, beratus juta ringgit, beribu juta ringgit wang Kerajaan yang mana adalah disebut juga sebagai wang rakyat.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit di bawah Maksud B.7, mukasurat 36, Butiran 00400 Pembangunan Masyarakat: 01 Projek-projek Kecil Pembangunan Luar Bandar.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka berapa?

**Tuan Othman bin Abdul:** Muka surat 36.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Butiran?

**Tuan Othman bin Abdul:** Butiran 00400, Pembangunan Masyarakat Projek-projek Kecil Pembangunan Luar Bandar, token vote \$10, dengan izin.

Saya rasa ini permohonan saya bagi pihak masyarakat luar bandar, ahli-ahli masyarakat luar bandar memerlukan, yang berkehendakkan kepada projek pembangunan dengan bentuk peruntukan Kerajaan yang sekarang ini walaupun di dalam keadaan yang meleset, tetapi pada pandangan saya daripada \$7 juta yang diperuntukkan pada tahun 1986, tetapi tidak ada peruntukan bagi tahun 1987. Ini adalah satu perkara yang mendukacitakan saya sendiri, sebab bagi saya sebagai Ahli Dewan Rakyat di kawasan pendalaman, di mana saya sendiri faham dengan keadaan masyarakat luar bandar yang memerlukan projek-projek kecil pembangunan luar bandar ini, jika sekiranya Kerajaan memberhentikan projek ini, sudah pastilah rakyat, yang sebahagian besar daripadanya yang menyokong Kerajaan Barisan Nasional ditinggalkan tanpa pembelaan yang memuaskannya oleh Kerajaan.

Jadi saya berharap dalam soal ini dapatlah sekiranya Kerajaan memberi peruntukan, memperuntukkan wang bagi projek 00400 ini di bawah Projek 01 supaya kita dapat melaksanakan tugas, Kerajaan dapat menjalankan pembangunan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Butiran 01700 Peniaga-peniaga Kecil yang juga token vote \$10. Di dalam soal ini Kerajaan pernah mengumumkan bahawa Kerajaan menyediakan pinjaman kepada bakal-bakal peniaga kecil tanpa cagaran sebanyak \$2,000. Saya pertama sekali memberi terima kasih, walaupun terima kasih itu saya berikan, tetapi pandangan saya bahawa \$2,000 yang diperuntukan pinjaman tanpa cagaran itu bukanlah satu pinjaman untuk seorang bakal peniaga kecil yang tidak seharusnya jumlah ini dapat membentuk seorang peniaga yang baik ataupun dapat memberi modal untuk seorang peniaga. \$2,000 dalam zaman sekarang ini menjadi satu jumlah yang kecil yang tidak dapat membentuk seseorang peniaga. Dengan itu, saya ingin mencadangkan dalam perkara ini supaya peruntukan ataupun pinjaman tanpa cagaran ini dinaikkan ke tingkat \$5,000 supaya setiap orang dapat meminjam dan menjalankan kegiatan perniagaannya yang kecil-kecilan ini, kerana di dalam soal pinjaman tanpa cagaran \$2,000 ini seseorang bakal peniaga terpaksa membelanjakan sekurang-kurangnya \$500 untuk pendaftaran, untuk modal-modal yang perlu dikeluarkannya, dan bakinya itu untuk dijadikan modal pusingan. Saya yakin bahawa mereka tidak akan dapat menjalankan tugas sebagai peniaga ini walaupun dilatih untuk menjalankan perniagaan.

Di samping itu juga saya merasa konsep peniaga-peniaga kecil di kawasan bandar ini mestilah diubah bentuk pembinaan gerai-gerai yang berukuran 10 x 8 kaki misalnya sudah tidak sesuai untuk dijadikan

sebagai kotak, petak perniagaan peniaga-peniaga kecil ini. Peniaga-peniaga juga perlu, saya rasa diberikan ruang niaga yang lebih luas, diberikan untuk mereka rumah-rumah kedai di mana mereka ini dapat tinggal dan berniaga di situ, anak isteri mereka dapat memahami bentuk-bentuk atau cara-cara perniagaan itu dengan sendirinya. Kalaulah Kerajaan membina ruang-ruang petak kedai 10 x 8 kaki yang kecil ini, siang hari untuk disangkut beberapa mayang pisang, beberapa ikat buah rambutan misalnya, sebelah petang peniaga ini balik ke rumah dan sudah pastilah inspirasi untuk berniaga kepada seluruh ahli keluarga ini tidak timbul.

Jadi untuk membentuk sebuah masyarakat, satu keluarga peniaga sudah pastilah memerlukan sebuah rumah kedai yang lengkap membolehkan mereka itu tinggal di kedai yang berkenaan dan mereka berniaga sekeluarga. Ini apa yang terjadi kepada masyarakat bumiputera Melayu, anak-anak dan isteri akan selalu meminta wang dari bapaya sebagai seorang peniaga kecil, tetapi mereka ini tidaklah diberi minat disebabkan oleh tindakan kita sendiri, tindakan Kerajaan sendiri yang membina atau membentuk masyarakat ataupun membentuk mentality peniaga-peniaga kecil itu sebegitu rupa.

Jadi, soalnya konsep ini saya rasa perlulah diubah supaya masyarakat tidak lagi kita namakan sebagai peniaga kecil, tetapi sebagai peniaga-peniaga. Kalaulah "kecil" itu membayangkan kecil daripada segi modalnya dan juga membayangkan kecil petak perniagaannya. Sekarang ini kita ubahkan nama peniaga-peniaga itu kepada peniaga-peniaga luar bandar ataupun di pekan-pekan supaya mereka ini dapat membiasakan diri mereka dengan perniagaan yang lebih besar dan selesa. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.31 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Kertas Perintah 41, mukasurat 34, Maksud Bekalan B.7 dan Butiran 020000, iaitu Unit Perancang Ekonomi yang telah diperuntukkan sebanyak \$15,780,000.

Tuan Pengerusi, Unit Perancang Ekonomi adalah satu-satunya badan perancang yang terpenting di negara ini. Oleh itu, kewibawaan dan keutuhannya mestilah dijaga dan dipertingkatkan. Accountability perancangan ekonomi dan sosial negara ini adalah bertanggung 100% ke atas unit itu.

Bercakap mengenai accountability perancangan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai perancangan ekonomi pada awal tahun 1980an yang lalu, iaitu pada tahun 1980 Unit Perancangan Ekonomi telah mengambil pendekatan melawan proses "cylical", dengan izin, di dalam putaran dagangan kita ataupun di dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "anti-cyclical measures" melalui penanaman modal yang besar melalui projek-projek raksasa. Projek-projek ini adalah seperti projek Kedah-Simen, Kilang Besi di Terengganu, Perak Anjung dan Proton Saga. Kita telah meminjam wang luar negeri, khususnya Yen kredit yang banyak. Pendekatan anti-cyclical ini adalah amat baik untuk mencetuskan pertumbuhan industri melalui penyusunan semula struktur ekonomi negara, tetapi kejayaannya hanya akan terjamin apabila andaian-andaian berikut adalah benar. Andaian pertama:

- (a) harga barangan utama kita boleh dipertahankan pada tahap yang menguntungkan untuk menampung ongkos

pembayaran balik hutang luar negeri;

- (b) nilai matawang yang dipinjam itu, khususnya Yen tidak meningkat berbanding dengan Ringgit; dan
- (c) pasaran barang-barang siap yang kita keluarkan terjamin dan mempunyai potensi perkembangan keluar negeri.

Saya ingin bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri, Menteri yang berkenaan yang menjaga unit ini adakah andaian-andaian yang saya sebutkan itu diteliti dengan seteliti-telitinya oleh Unit ini di dalam tahun 1980?

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya ketiga-tiga andaian yang disebutkan itu sebenarnya tidak berlaku pada masa ini. Harga barangan kita telah jatuh dengan teruk. Nilai matawang kita pun sedikit-sebanyak meleset berhadapan dengan Yen, Dollar dan lain-lain lagi dan kereta Proton Saga masih belum mencapai tahap pemasaran yang tinggi.

Saya bukan tidak setuju dengan anti-cyclical measures ini, tetapi andainya ahli-ahli ekonomi kita di Unit Perancang Ekonomi betul-betul menganalisis faktor-faktor di atas dengan secara terperinci, mungkin kita tidak meminjam terlalu banyak wang luar negeri dan kemungkinan projek-projek yang saya sebut itu dibuat secara sederhana atau berperingkat-peringkat.

Saya mendapat tahu bahawa kos pengeluaran Kedah-Simen ialah masih lagi pada tahap \$180 satu tan berbanding dengan kos pengeluaran SIMA di Perlis yang tahapnya di bawah \$100 satu tan. Harga jualan simen di dalam pasaran ialah \$174 satu tan. Ini menunjukkan Kedah-Simen mengalami kerugian yang besar, iaitu lebih kurang \$80 satu tan, begitu juga dengan Projek Besi Waja di Terengganu. Saya juga mendapat tahu

bahawa cost storage Proton Saga adalah tinggi dengan beratus-ratus biji kereta ini disimpan di tengah panas. 5 bulan penyimpanan secara ini akan memerlukan "painting job", dengan izin, yang baru. Adalah lebih baik jikalau pengeluaran Proton Saga dibuat secara berperingkat-peringkat dan storage ataupun penyimpanan dibuat mengikut kaedah "parts", bukan mengikut kaedah satu motokar dibuat dan ditunggu pemasarannya sehingga terpaksa kita menyimpan berbulan-bulan lama.

Gejala-gejala yang saya sebut ini menunjukkan perencanaan yang kurang rapi. Saya harap peruntukan kepada Unit Perancang Ekonomi disemak semula supaya Unit ini dapat mengambil ahli-ahli ekonomi yang berpengalaman, berkelulusan tinggi dan pintar untuk mengendalikan perencanaan pembangunan ekonomi negara. Sistem sekarang yang mengambil pegawai dari PTD secara putaran biasa yang mana pegawai-pegawai bertukar pada tiap-tiap 2 tahun, tidak membolehkan Unit Perancang Ekonomi kita menjadi satu badan yang berwibawa dan mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi. Unit Perancang Ekonomi memerlukan specialist dan profesional, bukan generalist.

Jikalau kita betul-betul serius mengenai perencanaan ekonomi kita, kita mesti lakukan apa yang diamalkan di Korea, Jepun dan di Taiwan. Di tiap-tiap negara ini satu kumpulan specialist yang bilangannya melebihi 300 orang ditugaskan untuk mengutip, menganalisa segala data-data ekonomi dan sosial sepanjang masa. Data-data ini bukan sahaja terhad di dalam negara itu, malahan segala data pasaran luar negeri dianalisis dengan teliti. Justeru itu, projections yang dibuat adalah untuk jaringan pasaran yang menyeluruh dan long term, bukan short term. Yang pentingnya, pegawai-pegawai di dalam kumpulan ini dilatih

di pusat-pusat pengajian tinggi yang terkemuka di dunia, seperti di Universiti-universiti Ivy Lake di Amerika, Oxbridge di United Kingdom, Sorbonne di France dan lain-lain pusat terkemuka di dunia. Mutu pengkajian mereka adalah tinggi dan segala projection yang mereka buat adalah mempunyai tahap ketepatan yang tinggi dan yang penting juga, Kerajaan di negara-negara ini akur kepada nasihat kumpulan-kumpulan ini. Kumpulan ini adalah di bawah pengurusan Kerajaan sepertimana yang kita ada sekarang di negara ini, seperti ISIS, MEIR, INTAN, SERU dan MAMPU.

Soalan saya ialah selain dari ketiadaan kordinasi yang cekap di kalangan mereka, iaitu di kalangan unit-unit yang saya sebut ini, dan di antara mereka dengan universiti-universiti tempatan yang merupakan gudang ilmu, mutu hasil tiap-tiap dari mereka boleh dipersoalkan memandangkan ketidakupayaan Kerajaan mengetahui apa yang akan berlaku di dalam pasaran dalam jangka masa yang hanya 5 tahun, seperti kisah "over borrowing", dengan izin, yang saya katakan tadi.

Oleh itu, saya menyeru Kerajaan supaya membentuk semula Unit Perancang Ekonomi kita dan biarlah ianya menjadi satu institusi yang berwibawa dengan mutu profesionalismenya yang tinggi. Kalau Kerajaan mahu output yang baik, maka inputnya mestilah baik. Kalau perlu dibayar gaji yang tinggi untuk kumpulan profesional ini, bayarlah; kalau tidak, nasib perencanaan ekonomi negara ini akan menjadi seperti sekarang.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada Unit Perancangan Ekonomi supaya mengambil berat dan meneliti sedalam-dalamnya strategi pembangunan yang membawa prinsip

pertumbuhan dari dalam atau, dengan izin, immanent growth strategies. Di dalam strategi ini ditekankan pembangunan dan penggunaan sumber tenaga manusia seluas-luasnya dan juga mengeksploitasikan sumber-sumber tempatan secara maksima. Kebanyakan sumber-sumber tempatan ini pada masa ini diabaikan, pada hal potensi mereka adalah tinggi untuk dijadikan barang-barang siap.

Sehubungan dengan Unit Perancangan Ekonomi, saya juga mengambil peluang ini bercakap mengenai Unit Penyelarasan ataupun ICU di bawah Butiran 030000, muka surat 34. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** 30?

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** . . . . .muka surat 34, Tuan Pengerusi, iaitu di bawah Butiran yang saya baru sebutkan tadi iaitu di bawah Unit Perancangan Ekonomi. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** . . . . . iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan yang mana peruntukan sebanyak \$7,447,000 diberi kepada Perkhidmatan dan Bekalan dan \$131,625,000 diberi kepada Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, Kod 4000. Unit ini merupakan suatu badan yang penting yang memastikan bahawa dasar-dasar Kerajaan dan perencanan projek-projek pembangunan dijalankan mengikut matlamat dan juga mengikut polisi Kerajaan.

Saya tidak meminta supaya diadakan pegawai-pegawai seperti mana yang saya minta untuk Unit Perancangan Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan ini bolehlah diadakan pegawai-pegawai pentadbiran am yang diambil dari PTD dan juga bahagian-bahagian teknikal Kerajaan. Apa yang saya memohon dan mencadang ialah

Unit ini mestilah menjalankan kerja follow-up dengan berkesan.

Memandangkan peruntukan yang banyak diberi kepadanya, saya harap wakil-wakilnya di negeri-negeri iaitu Pegawai Kemajuan Negeri dapat mengagihkan peruntukan ini mengikut beberapa prinsip. Prinsip pertama ialah keperluan satu kawasan itu dari segi tahap kemiskinannya. Saya maksudkan di sini jika ada mana-mana kawasan yang lebih miskin dari yang lain, maka kawasan inilah yang harus didahulukan dan dititikberatkan.

Prinsip yang kedua, ialah jika ada kehendak pucuk kepimpinan negara supaya satu program atau projek perlu didahulukan, maka Unit ini mesti tampil ke hadapan bersama dengan agensi yang dipertanggungjawabkan menjalankannya walaupun dengan tidak secara detail, jangan hanya menjalankan kerja "I see you do".

Sehubungan dengan prinsip kedua ini, ingin saya bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab, banyak manakah pencapaian ekoran arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada semua agensi Kerajaan yang dibuat pada 9hb April, 1984 mengenai pelaksanaan perakuan-perakuan yang dibuat oleh satu laporan Unit ini yang berjudul Penilaian Sistem Pembangunan Sosio Ekonomi Korea Selatan.

Di dalam laporan ini ada disebut mengenai kerendahan kos mengurus di Korea, keutuhan organisasi petaninya, disiplin dan keupayaan yang tinggi di dalam kerja dan bekerjasama dan lain-lain lagi yang patut ditiru oleh agensi dan institusi-institusi Kerajaan kita.

Apakah ciri-ciri ini diresapi dan dipraktikkan oleh institusi-institusi Kerajaan kita pada masa ini. Banyak lagi arahan-arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mencetus dan menggerakkan machinery Kerajaan. Apakah Unit ini

mengekori perkembangan pelaksanaannya dan mengukur kekesanannya. Kalau ada, sila nyatakan.

Di dalam Maksud Bekalan B.7, Butiran 12000 iaitu di mukasurat 35, Tuan Pengerusi. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ya.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** . . . . . iaitu Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji sebanyak \$10 juta.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa ianya adalah wajar. Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah satu-satunya institusi Kerajaan yang patut kita banggakan. Kita boleh mengkritik cara-cara pelaksanaan kerjanya demi kebaikan institusi ini, tetapi jika kritik itu merupakan satu penghinaan seperti yang dibuat oleh setengah-setengah kalangan, maka ianya adalah tidak wajar.

Kejadian yang paling akhir yang mana Lembaga ini dihentam habis-habisan oleh setengah golongan ialah apabila golongan ini tidak dapat memindahkan akibat angkara penipuannya ke atas lebih 500 orang bakal-bakal haji yang hendak diurusnya kepada Lembaga ini.

Tuan Pengerusi, setiap insan yang hendak pergi ke tanah suci sudah tentu mempunyai cukup wang. Wang ini sudah tentu telah diserahkan kepada golongan yang menjadi agen haji ini. Apabila golongan ini menghadapi masalah pengangkutan seperti yang dikatakannya, mengapa hanya \$190,000 sahaja diserahkan kepada Tabung Haji untuk mengambilalih. Ke mana perginya \$2 juta lebih yang dikutip sebelumnya.

Tabung Haji sebagai agensi yang accountabilitynya ialah kepada Parlimen ini tentu sekali tidak akan

menampung kehendak golongan ini dengan sandaran yang lemah, seperti geran tanah sekolah agama dan geran seorang taukeh yang hanya bernilai \$200,000 dan satu keping cek yang tidak laku. Kalau Tabung Haji bertolakansur di dalam hal ini dan menerima padah penipuan ini, ianya akan dihentam pula di dalam Dewan ini oleh penyokong agen haji tadi dengan alasan Tabung Haji tidak cekap dan tidak amanah.

Soal pokoknya ialah ke mana perginya \$2 juta lebih bayaran yang dibuat oleh bakal-bakal haji yang malang ini? Saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan, setakat ini adakah laporan-laporan dibuat oleh mangsa-mangsa ini kepada polis atau mana-mana pihak berkuasa? Kalau tidak, mengapa?

Mengenai pelaburan yang dibuat oleh Tabung Haji di dalam bentuk pembinaan Bangunan Ibu Pejabatnya pula, saya ingin mempertahankan langkah ini walaupun dikritik kuat oleh seorang ahli ekonomi yang ternama di negara ini.

Pertama sekali ongkos bangunan ini tidak dibuat dari sumber pinjaman mana-mana institusi kewangan. Ianya adalah dari sumber Tabung Haji sendiri. Justeru ini kos penggunaan wang adalah rendah. Kos melepasi atau, dengan izin, opportunity cost, wang yang digunakan itu adalah lebih tinggi dengan terdirinya bangunan ini, memandangkan bahawa 85% dari ruang bangunan ini telah pun disewakan. Ditambahkan pula dengan adanya bangunan ini segala Pejabat-pejabat Tabung Haji yang sebelum ini berselerak di kota ini dapat disatukan di bawah satu bumbung, kalau tidak kos pengurusannya melambung tinggi. Segala aspek-aspek ekonomik ini menunjukkan bahawa pembinaan bangunan ini akan membawa keuntungan yang lebih kepada Tabung Haji di dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin juga bercakap mengenai Pernas Edar iaitu Butiran 1400, di mukasurat. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** 35.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** 35, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Saya ingin bercakap mengenai apakah pencapaian Pernas Edar setakat ini di dalam projek kedai jimatnya. Berapa banyakkah bekalan yang diagihkan kepada pekedai-pekedai yang di luar bandar pada tiap-tiap tahun dan justeru itu berapakah banyaknya kadar kutipan balik iaitu pada tahap percentage tiap-tiap tahun dan berapa banyakkah latihan-latihan dari segi pengurusan business ataupun pengurusan perdagangan yang telah diberikan kepada peniaga-peniaga kecil di luar bandar.

Tuan Pengerusi, dengan itu, saya ingin menamatkan ucapan saya dengan menyokong peruntukan-peruntukan yang saya sebutkan tadi.

4.49 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Pengerusi, saya mahu sebut B.1, mukasurat 25, Parlimen, Butiran 010000, Urusan Parlimen.

Yang pertama, Parlimen merupakan Dewan yang tertinggi, Dewan perundangan dan politik tertinggi di negara kita dan kita patutlah memastikan bahawa Parlimen boleh menjalankan dan menunaikan hasrat-hasrat rakyat di mana dalam Parlimen ada ruang, ada kebebasan yang sepenuhnya untuk Wakil Rakyat fahami dan bincang masalah-masalah rakyat. Tetapi saya boleh melihat nampaknya sekarang Kerajaan ada satu penyakit, satu "cult", dengan izin, rahsia yang lebih serius bermaharajalela.

Dalam tempoh sidang ini kita di pihak sini ada kemukakan berbagai-bagai soalan. Saya pun ada kemukakan satu soalan, sebagai contoh, bertanya mengenai berapa orang ada ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang melebihi daripada 5 tahun sampai melebihi daripada 10 tahun. Soalan ini adalah ditolak atas satu peraturan Standing Order bahawa apa yang saya minta ialah, dengan izin, "with nature", rahsia. Dalam Dewan ini saya sudah berada lebih 10 tahun. Dalam sidang-sidang yang sebelum ini, soalan-soalan serupa ini dan lain-lain pun ada dijawab. Tidak sesiapa yang menggunakan peraturan ini bahawa rahsia dan tidak mahu jawab. Kenapa sekarang ada "cult" rahsia ini yang mana semua disembunyikan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, keputusan itu dibuat oleh Tuan Speaker, bukan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tahu, saya dapat surat bahawa ini ditolak.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Mesti dibuat oleh Tuan Speaker dan itu satu keputusan beliau di bawah kuasa-kuasa Peraturan Mesyuarat. Kita tidak boleh cabar itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tahu sama ada ini dibuat oleh Tuan Speaker atau oleh kerana pendirian Kementerian. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau Yang Berhormat hendak rujuk boleh juga. Peraturan Mesyuarat 23 (3):

"Jika sesuatu pertanyaan itu tidak dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka ahli yang mengeluarkan pertanyaan itu hendaklah diberitahu dengan surat oleh Setiausaha dengan diterangkan sebab-sebabnya tidak dibenarkan itu."

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada soalan-soalan yang diterima dan dalam Order Paper untuk mesyuarat Budget, tetapi selepasnya pun hilang atas ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Walau bagaimanapun itu keputusan Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, saya bangkitkan oleh kerana. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** . . . . bukan Kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kerajaan boleh timbulkan perkara ini bahawa itu rahsia.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Adakah maksud Yang Berhormat Tuan Speaker pun jadi Kerajaan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap tidaklah. Itulah maksud saya, saya harap tidak, tetapi itu satu perkara yang mustahak bahawa kita tidak mahu Kerajaan yang dahulu rela jawab soalan-soalan tetapi sekarang tidak rela. Oleh kerana kalau kita mahu mengikut "trend" ini, apa-apa perkara pun boleh digolongkan atau ditakrifkan sebagai "rahsia". Semua soalan boleh ditakrifkan sebagai "rahsia", khasnya dalam O. S. A. akan datang.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya faham, tetapi apa yang saya hujahkan di sini ialah keputusan itu keputusan Tuan Speaker, bukanlah Kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, apa yang saya mahu timbulkan ialah. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau kita hendak bincang itu di sini, kita bincang keputusan Speaker, bukan keputusan Kerajaan. Lebih baiklah kita tidak menyentuh. Saya minta kerjasama Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu sebut perkara spesifik tetapi trend itu "cult secrecy".

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Itu lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** "Cult secrecy" dan saya harap bahawa kita akan dapat satu Kerajaan yang lebih terbuka. Sebelum itu soalan-soalan boleh dijawab dan apabila saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, dia rela jawab.

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):** (Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, atas point of orderkah?

**Tuan Ismail bin Said:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, ada lagi apa jelas mahu rahsia?

**Tuan Ismail bin Said:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay.

**Tuan Ismail bin Said:** Saya cuma hendak bertanya kepada Wakil dari Tanjong sama ada beliau sedar ataupun tidak adanya Peraturan Mesyuarat 23 (4) yang mengatakan bahawa:

"Walaupun apa pun syarat yang disebutkan dahulu daripada ini, seseorang Menteri yang diarahkan sesuatu pertanyaan kepadanya, dengan diperkenankan oleh Tuan Yang di-Pertua, boleh enggan menjawab pertanyaan itu oleh sebab hendak memelihara faedah orang ramai, dan keengganannya menjawab itu tidak boleh dibahaskan atau di soal."

Adakah Yang Berhormat sedar ataupun tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Sedar, tentu sedar. Sebelum Yang Berhormat sedar, saya sudah sedar (Ketawa),

sebab itu saya sedar saya kemukakan ini oleh kerana kalau ini dipanjangkan, semua perkara yang ditanya termasuk pertanyaan Yang Berhormat sendiri boleh ditakrifkan sebagai "rahsia".

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya ingat kalau Yang Berhormat hendak bincang satu trend "secrecy" secara am, itu lain. Tetapi kalau itu berkenaan dengan soalan-soalan dalam Dewan yang mulia ini, tidak boleh dibincang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Trend akibat daripada apa yang berlaku sekarang dan apa yang berlaku sebelum ini, baik pun dalam perkara soalan atau apa-apa bentuk perjalanan. Ini saya rasa mustahak.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kecuali soalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Termasuk soalan!

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh "termasuk".

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu ungit tetapi ini tidak boleh lari daripada itu, tetapi trend ini, kalau kita takut menghadapi trend ini, kalau semua perkara boleh ditolak atas sebab "rahsia", lebih baik kita hapuskan masa soal-jawab, lebih baik kita tutup Parlimen, semua "rahsia" khasnya O. S. A. akan datang semua "rahsia" (*Tepuk*). Speaker pun "rahsia"!

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat minta penjasasankah?

**Dato' Dusuki bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Adakah diberi, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Baiklah.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat berkenaan, sebagaimana Yang Berhormat yang berkenaan sebut tadi dan memang diketahui umum bahawa beliau telah pun berada dalam Dewan ini lebih daripada 10 tahun, jadi saya ingin mendapat penjelasan apakah beliau tahu tentang perbezaan di antara keputusan yang dibuat oleh Kerajaan dengan keputusan yang dibuat oleh Speaker supaya dia dapat menghormati sedikit keputusan-keputusan yang dibuat oleh Speaker?

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri tidak fahamlah, jangan jadi budak-budak!

Itulah saya rasa mustahak. Saya harap bahawa ini bukan satu "ominous" dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh ambil perhatian dalam perkara ini dan bahawa janganlah oleh kerana ini boleh diberi sebagai alasan oleh Menteri untuk tolak soalan atas sebab "rahsia". Speaker pun tidak tahu sama ada "rahsia" atau tidak "rahsia", dalam peraturan Speaker tidak tahu, Speaker independent, bebas, tidak tahu rahsia atau tidak rahsia. Mungkin Menteri datang dan berkata "itu rahsia". Saya harap jangan menggunakan ini supaya elak daripada prinsip "accountability" dalam Parlimen.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sudahlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya sudah habis point ini. Kedua, saya harap bahawa dalam Parlimen ini kita boleh dapat ruang (scope) cukup supaya perkara yang berlaku semasa yang menjadi tumpuan perhatian rakyat boleh ada peluang untuk berbahas semacam apa yang semalam

dibentangkan Kertas Putih Laporan Kerajaan mengenai koperasi-koperasi, satu perkara yang penting dan patutlah Kerajaan memberi masa untuk satu perbahasan yang spesifik. Kita tidak mahu Parlimen menjadi muzium, kita mahu Parlimen di mana soalan-soalan, masalah-masalah rakyat semasa boleh dibalas semasa, bukan selepas 5 tahun! Saya harap bahawa Kerajaan boleh ambil perhatian oleh kerana 580,000 orang depositor-depositor menderita.

Yang ketiga mengenai Parlimen, saya harap bahawa kita semua boleh menjaga maruah, mertabat Parlimen ini, oleh kerana kalau kita tidak menghormati Parlimen ini, kita tidak menghormati hasrat rakyat, kita tidak menghormati "will" rakyat, dengan izin. Sebab itulah saya harap kita semua patut ada satu persefahaman.

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ya, Yang Berhormat dari Kemaman?

**Tuan Ismail bin Said:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Dia minta penjelasan. Hendak beri?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ada banyak perkara yang hendak disampaikan. Lebih baik habis dahulu. Nanti saya boleh beri.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak beri. Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bahawa kita mesti mempunyai satu persefahaman mengenai apa yang patut kita setuju, iaitu untuk mertabat, untuk kemuliaan dan untuk nama baik Parlimen dan tentu tidak untuk nama baik Parlimen di mana kita ada seorang anggota dalam penjara luar negeri, pecah amanah, kena dua tahun. Kenapa MCA mahu dia terus kekal memegang jawatan itu? Jagalah nama baik

Parlimen ini. Saya faham bahawa sebenarnya beliau sudah meletakkan jawatan dan perletakan jawatan ini ditahan oleh pimpinan MCA. Saya harap janganlah menggadai maruah Parlimen, menggadai nama baik Malaysia oleh kerana satu parti takut kalah dalam satu pilihanraya kecil di Gopeng. Kalah menang dalam Gopeng tidak mustahak. Maruah Parlimen, itulah yang mustahak. (*Tepuk*)

**Dato Kok Wee Kiat:** Penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh.

**Dato Kok Wee Kiat:** Bolehkah Yang Berhormat dari Tanjong menjelaskan apa perbezaannya di antara seorang di dalam jel di Malaysia, dengan izin, dan di luar negeri Malaysia?

**Tuan Lim Kit Siang:** Jail juga, makan nasi kari. Sama. Kedua-duanya salah.

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Ismail bin Said:** Kalau Yang Berhormat ini berlaku adil kepada MCA, mahu beri jalan. Kepada UMNO tidak mahu beri jalankah? (*Ketawa*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Masalah, bukan adil tidak adil. Masa. Saya beri satu chance, terakhir. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Said:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat dari Tanjong bercakap mengenai masalah maruah Parlimen. Jadi, apakah dengan tidak mematuhi arahan Speaker dengan cara menepuk meja itu dikira menjaga atau tidak menjaga maruah Parlimen?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau Yang Berhormat tidak pernah berbuat begitu, saya percaya Yang Berhormat

sendiri pun pernah buat begitu, suara banyak dari bahagian sana, janganlah cakap perkara semacam ini. Tetapi itu tidak mustahak. Jangan kacau lagi (*Ketawa*). Yang mustahak ialah maruah Parlimen, maruah negara ini. Saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun faham. Sama ada di penjara dalam negara ini atau di penjara di luar negeri, yang mustahak ialah kenapa dia dipenjarakan? Kalau atas, dengan izin, moral destitute and dishonesty, itu mustahak. Kalau dipenjarakan oleh kerana kepentingan negara, itu lain hal. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, ia atas kepentingan negara? Ini sudah menjahanamkan kepentingan negara, menjahanamkan rakyat dalam Pan-El. Itulah saya harap boleh diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, di sini saya mahu menyebut Jawatan Peguam Negara.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** B.10, muka surat 43 dan saya rasa apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai akauntabiliti Peguam Negara kepada Parlimen, mustahak.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Butiran berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Butiran 100, 200, apa pun boleh—Peguam Negara.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Butiran mana?

**Tuan Lim Kit Siang:** 100, 200—Peguam Negara.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sekarang Yang Berhormat membincangkan butiran berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** 100 dan 200.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Mana ada?

**Tuan Lim Kit Siang:** 300, semua ada bersabit dengan Jabatan Peguam Negara.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** 01 kah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Kita baca dalam laporan ini. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Pentadbiran Am?

**Tuan Lim Kit Siang:** Pentadbiran Am, Perkhidmatan Perundangan, Perkhidmatan Pendakwaan, Perkhidmatan Guaman. Semua tumpu kepada jawatan seorang Peguam Negara. Dalam program Anggaran Belanjawan ini, fungsi Peguam Negara ada disebutkan, iaitu memberi nasihat perundangan kepada Kerajaan sesuai dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan; menggubal undang-undang; memberi arahan ke atas penyiasatan kes-kes jenayah dan sivil dan pendakwaannya, serta mewakili dan membela Kerajaan di mahkamah.

Ini satu jawatan yang maha mustahak yang kita Parlimen perlu ada satu sistem di mana kita boleh mengenakan akauntabiliti khasnya kalau tidak, kita akan hilang makna akauntabiliti ini. Kita fahami, kita boleh dapati bahawa Peguam Negara kita ada banyak perkara yang memerlukan satu penjelasan kepada rakyat, khasnya kenapa Peguam Negara kita tidak mahu sekarakerasnya mengambil tindakan terhadap pesalah-pesalah bumiputera dalam skandal BMF. Ambil inisiatif, sekarang khasnya dengan apa yang berlaku di London, Hashim Shamsuddin telah mengaku salah. Kenapa tidak diambil tindakan? Prevention of Corruption Act ada memberi extra territorial powers, Seksyen 27—korupsi yang ada berlaku di luar negeri boleh dibicarakan dalam mahkamah di sini. Peguam Negara patut mengambil inisiatif, tidak mahu.

Dia kata masalah jurisdiction, masalah bukti, evidence. Kenapa kita begitu enggan untuk menjaga maruah dan kepentingan negara, \$2.5 billion skandal BMF. Kita mahu jawab. Sebab itu dia tidak akaun kepada kita. Kenapa? Saya katakan, jikalau Peguam Negara tidak rela untuk mengambil tindakan terhadap pesalah-pesalah bumiputera, letak jawatan. Saya panggil beliau letak jawatan oleh kerana sudah melanggar, sudah bercanggah dengan kepentingan, aspirasi hasrat rakyat jelata.

Nampaknya beliau lebih suka mahu menukar dan meminda Akta-akta, mahu kenakan semua rahsia-rahsia. Tetapi pesalah-pesalah BMF, dia tidak mahu mengambil tindakan. Kita mahu tahu, apabila beliau membuat satu keputusan untuk mendakwa Presiden Bar Council, Param Cumarasamy atas hasutan, itulah kita mahu cabar. Di mana kita boleh cabar? Dalam Parlimen. Tetapi mana Peguam Negara? Tiada! Itu akauntabiliti. Kenapa diambil tindakan terhadap Param Cumarasamy? Kalau kita mahu satu public prosecutor yang adil yang faham apa makna kebebasan, demokrasi dan bukan mahu menggunakan akta-akta, undang-undang untuk lebih mengetatkan demokrasi dan kebebasan rakyat kita. Itulah kalau di tempat yang lain Peguam Negara semacam ini sudah dipaksa untuk meletak jawatan. Tetapi di negara kita sesiapa yang salah bukan meletak jawatan, tetapi diletakkan ke jawatan yang lebih tinggi lagi, naik pangkat.

Saya harap bahawa Peguam Negara kita boleh mengambil perhatian. Janganlah menjadi stumbling block kepada hasrat rakyat yang mahu melihat bahawa pesalah-pesalah BMF di bawa ke hadapan pengadilan. Kita mahu tahu kenapa Peguam Negara kita menjadi Ahli Lembaga KWSP? Kenapa beliau menjadi ahli penal Investment KWSP? Adakah

bercanggah dengan kepentingan sebagai Peguam Negara? Apabila ada apa-apa yang berlaku dalam EPF, dalam Investment Penal, salah dan melanggar undang-undang, siapa akan prosecute? Peguam Negara? Dia sendiri akan menyasiat, dia sendiri akan prosecute dirinya sendiri? Tentu tidak ada. Itu tidak patut berlaku. Dia patut letak jawatan daripada Lembaga KWSP, letak jawatan sebagai investment panel KWSP. Khasnya kita tahu. . . .

**Tuan Chua Jui Meng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Petua, Standing Order 36 (8). Kelakuan atau sifat Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah tidak boleh disebutkan, kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirian bagi maksud-maksud itu.

Tugas Peguam Negara adalah tugas menjalankan keadilan mahkamah dan tidak boleh disebutkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak Yang Berhormat, itu berkenaan Hakim-hakim dan Judicial Service.

**Tuan Chua Jui Meng:** Administration of justice, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia mahu lawan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak Yang Berhormat, tidak boleh menggunakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya tidak tahulah Yang Berhormat dari Bakri, kalau tidak silap di mana dia belajar law. Timbaktu mungkin.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana ini menunjukkan dia tidak faham; tidak faham Standing Order tidak apa, tidak faham law, dia lawyer—"lawyer buruk" (*Ketawa*).

**Tuan Chua Jui Meng:** Penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Tanjong sadar saya belajar law sama tempat dengan Yang Berhormat dari Tanjong (*Tepuk*) (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu bukan Timbuktu. Nampaknya tempat yang berbeza (*Ketawa*). I do not want to be associated, dengan izin, dengan lawyer semacam ini (*Ketawa*). Mungkin saya mahu resign daripada tempat yang saya lulus, kalau itu benar.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Tanjong menggunakan perkataan. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Minta penjelasan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak beri.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** On a point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Point of order?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau point of order, boleh.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Saya ingin bertanya, Tuan Pengerusi sama ada. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Peraturan Mesyuarat berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Lawyer buruk lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, jangan begitu.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat?

**Dato' Mohd. Tajol bin Mohd. Ghazali:** Ya, Peraturan Mesyuarat. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Peraturan Mesyuarat berapa?

**Seorang Ahli:** 36 (1) (*Ketawa*).

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** 35 (1). . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** 35 (1)?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Rpfl (1). Perkataan "lawyer buruk" tadi saya rasa adalah perkataan yang unparliamentary. Saya minta ruling daripada Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** Lawyer buruk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Timbalan Menteri buruk!

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** 36 (4), bukan 36 (1). Lawyer buruk (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu biasalah perkataan itu. Lawyer buruk itu seorang yang buruk, lawyer. . . . .

**Seorang Ahli:** Ada lawyer baik, ada lawyer buruk.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat lebih baik kita tidak guna perkataan-perkataan berkaitan dengan lawyer itu. Itu satu perkara yang susah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat bangun kerana point of orderkah atau penjelasan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
Penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Berikah atau tidak, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baiklah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya rasa perkataan "Timbalan Menteri buruk" juga unparliamentary.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tanya, saya tidak kata.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kalau begitu, saya hendak guna "Ketua Pembangkang buruk" sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau buruk, kata buruklah (*Ketawa*). Masalah buruk tidak buruk tidak sahaja (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik. Tadi saya sebut mengenai MAKUWASA ada bercangah, conflict of interest. Perkara MAKUWASA, investment panel dan kita ada Peguam Negara yang duduk dalam tempat itu dan kalau saya tidak silap Audit Report EPF sudah siap tetapi belum dikemukakan. Dan kalau tidak silap ada kata bahawa urusan saham-saham MAKUWASA ialah tidak sah. Dan kalau itu betul, apakah kedudukan Peguam Negara kita? Peguam Negara dalam investment panel yang meluluskan urusan-urusan saham MAKUWASA yang tidak sah, yang

melanggar undang-undang. Inilah sebab tidak patut Peguam Negara di dalam bidang-bidang di mana akan menimbulkan conflict of interest dan saya harap perkara ini boleh dibetulkan dan saya dapat satu penjelasan daripada Kementerian atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perkara ini.

Saya mahu beralih kepada B.11 mengenai Emolumen-emolumen A. C. A.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Muka surat 44.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Butiran?

**Tuan Lim Kit Siang:** Emolumen untuk. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Pentadbiran?

**Tuan Lim Kit Siang:** Pentadbiran, Pendakwaan, Penyiasatan, Pencegah, Latihan, Perisikan dan semua. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Semua Emolumen?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Tuan Pengerusi, A. C. A. atau Badan Pencegah Rasuah ada tanggungjawab supaya negara kita bersih, tidak korup. Dan dalam tahun 1981 semua rakyat ada satu harapan yang tinggi bahawa sebenarnya Badan Pencegah Rasuah boleh menjalankan tugasnya oleh kerana ada slogan-slogan atau cogan kata Kerajaan: "Bersih, Cekap dan Amanah". Tetapi sekarang nama A. C. A., kedudukan A. C. A. boleh dikatakan amat rendah sekali dalam sejarah Malaysia oleh kerana korupsi bermaharajalela di semua lapisan masyarakat negara kita. Kenapa? Ini satu masalah sebab antaranya menyebabkan krisis keyakinan di negara kita.

Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Barisan Nasional boleh menafikan ada krisis keyakinan. Boleh nafi. Tetapi benar tetap benar. Seribu kali kata tidak benar, tetapi apa yang benar pun benar. Kita tahu bahawa dalam perkara ini di luar Dewan semua setuju dan saya harap bahawa dalam perkara A. C. A. bahawa Kerajaan adakan satu will yang baru meningkatkan kedudukan A. C. A. semacam yang saya faham di Hong Kong, IAAC atau Badan Pencegah Rasuahnya adalah berada di tempat yang tinggi, sama dengan Peguam Negara, bukan di bawah Peguam Negara. Ini menunjukkan betapa mustahak badan ini dalam mata mereka yang bertanggungjawab dan di Hong Kong di mana IAAC atau Badan Pencegah Rasuah boleh siasat Peguam Negara dan ambil tindakan tanpa kebenaran Peguam Negara. Dan saya harap kita kalau sebenarnya mahu A. C. A. memainkan peranan yang sepatutnya kita meningkatkan kedudukan kuasa peranan A. C. A., bukan di bawah Peguam Negara di mana persetujuan Peguam Negara perlu sebelum pendakwaan dijalankan, bukan di bawah apa-apa Kementerian, tetapi setaraf dan standing dengan institusi-institusi autonomous, barulah bertanggungjawab kepada Parlimen sahaja.

Dan saya harap ini perkara yang mustahak oleh kerana dengan bermahajalela masalah rasuah di negara kita, kita menghadapi satu penyakit nasional yang sangat serius dan kalau tidak kita menghadapi keruntuhan moral, keruntuhan negara kita akan menjadi satu krisis besar.

Tuan Pengerusi, di sini saya mahu sebut B.7—Jabatan Perdana Menteri, Pentadbiran dan Emolumen, khasnya Emolumen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang bertanggungjawab di atas Kabinet—Jemaah Menteri. Saya mahu bertanya Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri sama ada prinsip tanggungjawab collective ataupun, dengan izin, principle of collective responsibility untuk semua Menteri-menteri masih ada atau sudah hilang? Pada hari Rabu lalu kita dapati bahawa Kabinet sudah ambil satu keputusan bahawa masalah ketetapan MCA Selangor sudah habis, tutup. Tidak lagi dibenarkan. Tetapi nampaknya tidak. Nampaknya bukan sahaja perkara ini lagi diapi-apikan, ada Menteri-menteri pun mengikut mereka tidak lagi selesai. Mana itu principle of collective responsibility? Adakah kita menghadapi bukan sahaja masalah krisis keyakinan tetapi krisis authority Perdana Menteri, authority Kabinet sudah runtuh, sudah habis.

Kita mahu tahu sama ada keputusan sebenarnya dibuat dalam Kabinet Rabu lalu bahawa perkara ketetapan MCA Selangor sudah habis atau tidak. Kalau benar sudah, apa sudah berlaku kepada principle of collective responsibility? Dan saya rasa ini sangat mustahak, oleh kerana perkara ini ada sangkut-paut dengan satu perkara lagi yang saya mahu timbul ialah perkara B.12—Jabatan Perpaduan Negara.

Oleh kerana masalah yang timbul polarisasi kaum, nampaknya perkara ini sudah menjadi lebih kian merosot oleh kerana tingkah laku pemimpin-pemimpin Kerajaan, Menteri-menteri Kerajaan.

Sebenarnya semenjak elections bulan Ogos sampai sekarang, dengan izin, ada escalation polarisasi kaum, satu flash-point yang lebih tinggi, oleh kerana apa? Oleh kerana ucapan-ucapan yang extrimis oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Ucapan Yang Berhormat dari Kok Lanas di Singapura, ucapan-ucapan di Perhimpunan Agung UMNO dan sekarang perkara ketetapan Selangor MCA. Rakyat sudah jadi tegang. Adakah ini contoh perpaduan negara

yang ditunjuk oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional? Kalau kita semua mahu perpaduan dipupuk, dimajukan, kita semua menghadapi satu hakikat kenyataan bahawa kita semua rakyat Malaysia. Tidak mustahak siapakah bumiputera yang pertama datang ke negara ini, tidak mustahak siapa bumiputera yang kedua, ketiga. Masalah ialah kita semua menerima semua rakyat Malaysia sekarang sudah menjadi anak watan Malaysia, sudah menjadi bumiputera Malaysia, sudah mahu bersatu padu, itulah masalah. Saya harap bahawa kita boleh membuat satu contoh yang baik supaya Malaysia kita sudah menghadapi begitu masalah, janganlah daripada satu krisis lebih besar kepada satu krisis lagi lebih besar.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya sebut Maksud B.7, Butiran 00600 mengenai PERNAS di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Saya rasa Jabatan Perdana Menteri termasuk Kerajaan adalah tanggungjawab untuk memberi kenyataan yang jelas mengenai urusan pembelian oleh PERNAS saham-saham UMBC. Kenapa mahu dirahsiakan, mahu tahu apa harga satu saham—\$8.90 atau \$9.00, sama ada \$400 juta dan kenapa Kerajaan membenarkan pinjaman daripada Yen \$200 juta dalam masa sekarang di mana kita menghadapi krisis ekonomi, kenapa? Apa manfaat, apa faedah PERNAS akan dapat atau seorang sekeluarga baru mendapat faedah? Kenapa rahsiakan? Kalau mahu mendapat kepercayaan rakyat, perkara semacam ini terus dirahsiakan, tentulah harapan rakyat akan merosot dan dengan ini, Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong.

5.24 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Maksud B.1, mukasurat 25, Urusan Parlimen—Pentadbiran Am.

Saya bangkit hal ini kerana kami mendesak supaya masa untuk persidangan Parlimen dipanjangkan sekurang-kurangnya dua jam satu hari. Kalau tuntutan ini, desakan ini hendak dilaksanakan, patutnya Kerajaan menimbang, mengkaji keadaan semua kakitangan di dalam Parlimen dari segi prestasi dan dari segi keadaan perkhidmatan, sebab saya berpendapat tepatlah pada masanya untuk mengkaji semula keadaan perkhidmatan yang ada sekarang sama ada di peringkat atasan, pertengahan ataupun di peringkat bawahan.

Misalnya sebelum ini ada enam Penjaga di Parlimen tetapi sekarang dikurangkan kepada empat Penjaga. Memang mereka tidak puas hati dan ada juga kakitangan-kakitangan yang lain yang tidak puas hati. Oleh itu saya berharap pihak Kerajaan dapat meneliti, mengkaji, menyelidik, menyiasat apa sahaja yang berlaku dengan keadaan kakitangan di dalam Parlimen. Dengan keadaan dapat diperbaiki maka ini dapatlah memanjangkan masa untuk bersidang di dalam Dewan ini. Itu harapan saya.

Tuan Pengerusi, Maksud B.7—Jabatan Perdana Menteri dan Maksud Tanggungan 13—Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran. Di dalam Laporan Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1987 tanggungan ini telah bertambah sebanyak 4.5% memandangkan bahawa pihak Kerajaan berhasrat untuk menjimat cermat perbelanjaan dengan mengurangkan ganjaran-ganjaran yang akan diberi seperti pemetongan elaun-elaun, pengurangan, pemberian pencen berlipat ganda kepada Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen serta memberhentikan skim pencen bagi kakitangan yang baru.

Mengapa pula peruntukan bagi Maksud Tanggungan ini bertambah? Apakah peruntukan wang yang masing-masingnya disediakan bagi pemberian pencen, pemberian elaun bersara serta pemberian ganjaran-ganjaran? Siapakah yang berhak untuk menerima elaun bersara, siapakah penerima ganjaran-ganjaran serta bentuk-bentuk ganjaran yang terlibat. Apakah kekerapan pemberian ganjaran ini dan kemungkinan berlaku pemberian berlipat ganda dalam kes-kes tertentu? Apakah langkah-langkah tegas yang akan diambil untuk mengesyorkan pemberian berlipat ganda ini tidak terjadi?

Tuan Pengerusi, Butiran 020000—Unit Perancang Ekonomi, Aktiviti Pembahagian, B.7. Tujuannya adalah untuk mengkaji kesan rancangan ekonomi di dalam strategi membasmi kemiskinan melalui agihan pendapatan serta strategi mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat di kalangan kaum di Malaysia. Prestasi aktiviti ini diawasi menerusi jumlah ceramah yang disampaikan mengenai Dasar Ekonomi Baru kepada badan-badan awam, swasta dan politik.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah ceramah-ceramah yang diadakan dan yang akan diadakan mengesan kejayaan rancangan-rancangan ekonomi di dalam pelaksanaan tujuan-tujuannya. Sekiranya rancangan-rancangan yang tertentu gagal membawa kesan yang dikehendaki oleh sesuatu strategi, apakah tindakan yang akan diambil terhadap rancangan-rancangan tersebut sehingga hari ini, dan apakah kesan prestasi daripada ceramah-ceramah yang disampaikan berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru?

Tuan Pengerusi, Butiran 030000—Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Aktiviti Susunan Semula Masyarakat, Butiran mengenai Bilangan Pelabur ASN (Amanah Saham Nasional).

Amanah Saham Nasional dijangka meningkat dari 200,000 dalam tahun 1986 kepada 2,543,000 dalam tahun 1987. Ini adalah pertambahan pelaburan seramai 2,343,000 orang. Memandangkan bahawa kemelesetan ekonomi dijangka bertambah genting, bertambah buruk, sementara pihak awam mungkin memutus untuk membekukan kenaikan gaji, bagaimanakah Kerajaan dapat menafsirkan unjuran bilangan tambahan ini? Ini satu soal yang pokok, dengan gaji tidak dinaikkan, dengan elaun dipotong, bagaimanakah bilangan orang yang menyertai ASN dapat ditambah dengan begitu pesat? Perkara ini adalah penting kerana kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat masih ingat sebahagian daripada wang yang dibazirkan dengan skandal BMF datang daripada ASN. Saya berharap Kementerian dapat menjawab soal ini.

Tuan Pengerusi, bilangan usahawan yang akan dilatih dalam tahun 1987 iaitu dari 1,200 orang kepada 100 orang sahaja, saya hendak menanya apakah sebenarnya bilangan usahawan yang terlatih berjaya dalam usaha perniagaan mereka sejak permulaan latihan dalam aktiviti susun semula masyarakat ini kerana kalau ada latihan sahaja, ada perbelanjaan sahaja, itu tidak berguna. Apa yang kami hendak mengetahui prestasinya yang tercapai.

Tuan Pengerusi, mengenai aktiviti membasmi kemiskinan, prestasi aktiviti ini menunjukkan bahawa bilangan JKKK yang terlibat dikurangkan dari 11,610 dalam tahun 1983 kepada 1,680 dalam tahun 1987 iaitu kekurangan sebanyak 9,930. Sebaliknya bilangan majalah yang dicetak bertambah dari jumlah 10,000 dalam tahun 1986 kepada 40,000 dalam tahun 1987.

Bagaimanakah pengurangan dan penambahan yang disebutkan ini dapat menolong untuk dari usaha untuk

membasmikan kemiskinan. Siapakah mereka yang sebenarnya yang dapat faedah daripada penambahan bilangan majalah yang dicetak lebih-lebih lagi apabila kemiskinan tertumpu di kawasan-kawasan luar bandar yang juga mempunyai kadar buta huruf yang lebih tinggi jika dibanding dengan kawasan bandar serta minat membaca yang kurang kalau dibandingkan dengan kawasan bandar. Apakah penjelasan bagi perbezaan dalam bilangan JKKK yang bertambah dengan banyak secara tiba-tiba pada tahun 1986 dan menurun kembali ke tahap-tahap yang lama yang sama seperti yang didapati pada tahun 1985.

Tuan Pengerusi, Butiran 040000—Keselamatan Negara. Mengikut prestasi aktiviti pasukan petugas pendatang haram Vietnam, perpindahan mereka ini ke negara-negara ketiga telah jatuh dari 7,993 orang dalam tahun 1985 kepada 1,699 orang dalam tahun 1986 dan tidak ada apa-apa unjuran dibuat bagi tahun akan datang. Memandangkan bahawa jumlah pendatang haram Vietnam adalah besar dan masih terdapat yang baru memasuki negara kita, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya pendatang-pendatang haram ini tidak akan membebankan tanggungan negara. Dapatkah kita menimbulkan bahawa kesemua pendatang haram Vietnam telah meninggalkan negara kita kerana unjuran tidak dibuat bagi tahun akan datang.

Tuan Pengerusi, Maksud B.8—Jabatan Perkhidmatan Awam. Butiran 050000—Latihan dan Kemajuan Kerjaya, Kod 4000—Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Walaupun pada keseluruhannya bilangan mereka yang menerima latihan di dalam dan di luar negeri telah turun berbanding dengan tahun yang lepas bilangan mereka yang menerima latihan dalam perkhidmatan telah bertambah sebanyak 21.9% manakala mereka

yang belum berkhidmat lagi telah jatuh sekadar 18.9%.

Peruntukan yang disediakan bagi aktiviti latihan dan kemajuan kerjaya di bawah Kod 4000 ini bagi tahun 1987 adalah \$446,959,800 ia itu penurunan sebanyak 27.7% daripada peruntukan tahun 1986. Untuk memberi satu gambaran yang lebih sejajar dengan kenyataan pihak Kerajaan seharusnya menunjukkan bilangan mereka yang masih ditanggung olehnya iaitu pegawai yang menerima latihan pada tahun-tahun yang lalu dan masih sedang menjalankan latihan mereka menjelang tahun 1987. Maka persoalan di sini adalah adakah peruntukan dibuat itu hanya semata-mata bagi bakal penerima latihan dalam tahun 1987 atau apakah sebenarnya jumlah besar tanggungan Kerajaan dalam perkara ini termasuk mereka yang sedang dan akan menerima latihan menjelang tahun 1987.

Kami tidak dapat menafikan keperluannya untuk melatih pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan agar mempercekapkan lagi pentadbiran negara. Namun begitu dari nilai-nilai yang dicatat, bilangan mereka yang akan menerima latihan dalam perkhidmatan luar negeri di tahap-tahap Ph. D., Sarjana, Diploma Lepas Ijazah serta pakar perubatan masing-masing meningkat pada kadar 116.66%, 69.56%, 68.33% dan 172% berbanding dengan nilai tahun 1986.

Pertambahan ini jelas sekali bukanlah kecil tetapi apakah jenis latihan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai di dalam kategori masing-masing. Adakah bentuk latihan tersebut amat diperlukan di dalam negara ini? Pihak Kerajaan harus sedar bahawa yang lebih tinggi tahap pendidikan yang diperlukan masa dan wang yang diperlukan bukanlah amaun kecil belaka. Jadi, bolehkah pihak Kementerian memberikan pecahan peruntukan yang akan

diterima oleh setiap kategori malah yang akan disediakan untuk kesemua tahap latihan sama ada di luar ataupun di dalam negeri di dalam perkhidmatan atau sebelum perkhidmatan agar kita dapat mengetahui penumpuan perhatian Kerajaan dari segi latihan dan kemajuan kerjaya pegawai-pegawainya. Ada yang penting, yang pentingnya menunjukkan kepada rakyat bagaimana belanja yang diadakan di sini dapat mewujudkan pegawai-pegawai yang benar-benar berdedikasi, bermutu tinggi dan dapat mengorbankan untuk rakyat.

Tuan Pengerusi, Butiran 080000 — INTAN. INTAN dijadualkan untuk menerima perbelanjaan mengurus sebanyak \$19,780,400 dan tidak ada peruntukan langsung bagi perbelanjaan pembangunan. Mengikut Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1987 hampir kesemua daripada kursus bersama-sama dengan bilangan peserta akan dikurangkan dalam tahun 1987. Apa yang amat menggalakkan adalah bahawa bilangan kursus yang akan dijalankan oleh pusat pengurusan kewangan dan perakaunan akan ditambah dari 44 kursus dalam tahun 1986 kepada 51 kursus dalam tahun akan datang.

Pandangan positif yang dapat dirumuskan di sini adalah bahawa pihak Kerajaan sedar akan pentingnya mempertingkatkan kebolehan dan disiplin pengurusan kewangan dan perakaunan di dalam negara. Ianya akan lebih memudahkan penganalisaan kegunaan isi kandungan kursus-kursus yang dijalankan jika maklumat tersebut diberi.

Selain daripada ini di bawah aktiviti perkhidmatan am disebutkan bahawa aktiviti ini bertujuan untuk

menampung perbelanjaan bagi pegawai-pegawai yang diluluskan cuti belajar bergaji penuh sama ada di luar negeri ataupun di dalam negeri. Mereka yang di dalam pinjaman tidak bermakna pegawai berkenaan disandarkan kepada jawatan aktiviti ini juga diambil kira.

Saya ingin mengetahui apakah bilangan mereka terlibat serta jumlah besar gaji yang dibayarkan untuk pegawai-pegawai diluluskan cuti belajar bergaji penuh berbanding dengan tahun 1986 serta kursus-kursus yang dijalankan oleh mereka ini. Setakat manakah kursus-kursus dapat memberi faedah kepada pegawai-pegawai berkenaan untuk memperbaiki prestasi perkhidmatannya?

Tuan Pengerusi, B.11 — Badan Pencegah Rasuah (BPR), sebahagian aspeknya telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Aktiviti — Penyiasatan. Tujuan bahagian-bahagian Badan ini adalah untuk menjalankan kerja penyiasatan terhadap rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan Berkanun dan sektor swasta. Angka-angka bagi bilangan kes penyiasatan yang dibuka telah bertambah setahun demi setahun. Bilangan tangkapan pegawai Kerajaan yang mengambil rasuah adalah melebihi bilangan orang awam yang tertangkap di bawah jenayah yang sama. Apakah denda dan hukuman yang dikenakan ke atas pegawai-pegawai Kerajaan yang menyeleweng dan apakah bilangan mereka yang dihadapkan ke mahkamah dan bilangan mereka yang tertangkap tetapi didapati tidak bersalah di mahkamah dan seterusnya masih berkhidmat di dalam sektor awam? Bagi kes mengambil rasuah, apakah kekerapan ianya berlaku bagi setiap tingkatan tanggagaji dan jawatan atau badan berkanun sektor awam?

BPR adalah terpenting untuk mencegah rasuah di negara ini. Setakat ini seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ianya terletak di bawah Peguam Negara. Sekiranya Kerajaan benar-benar berhasrat, bertekad dan berazam untuk menghapuskan rasuah di negara ini, maka taraf BPR hendaklah dipertingkatkan kepada lebih tinggi daripada Peguam Negara. Itu satu syarat, satu hasrat orang awam supaya negara ini dapat benar-benar membenters kejadian rasuah.

Tuan Pengerusi, B.12 — Jabatan Perpaduan Negara, Butiran 030000 Perhubungan Masyarakat di bawah skim Rukun Tetangga. Jumlah kakitangan berupa 24 orang di dalam Buku Belanjawan Persekutuan, 1987, akan tetapi hanyalah 15 orang di dalam Senarai Perjawatan. Tambahan lagi jumlah emolumen yang disediakan bagi mereka itu pada tahun 1987 hanyalah sebanyak \$361,700 manakala dalam tahun 1986 emolumen bagi 17 orang memakan belanja \$3,713,200. Apakah penjelasan bagi perbezaan nilai ini?

Tuan Pengerusi, sebenarnya penyusunan semula Rukun Tetangga telah dibuat sekurang-kurangnya dua-tiga kali, tetapi kesan peranan dan fungsi Rukun Tetangga ini tidak ketara sampai sekarang. Kalau Rukun Tetangga tidak memainkan peranan dan fungsi yang berkesan ke arah yang betul, mengapakah kita masih mengadakan Rukun Tetangga setakat ini yang memakan belanja hampir \$4 juta tiap-tiap tahun. Itulah soalan yang pokok dan saya berharap Kementerian dapat mengkaji dengan teliti supaya kita dapat menjimat-cermatkan wang rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah.

5.44 ptg.

**Tuan Ting Chek Ming [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil bahagian atas Kertas Perintah 41 dan ingin saya menyentuh Maksud B.7, mukasurat 35, butiran 090000 Aktiviti — Unit Tenaga Nuklear, Kod 1000.

Tuan Pengerusi, pada 4hb November yang baru lalu dalam perbahasan Belanjawan 1987 ini, saya telah memberitahu Dewan ini bahawa Asian Rare Earth (Sdn) Bhd telah tidak mematuhi syarat-syarat dan cara-cara yang dinyatakan dalam surat perjanjian yang bertarikh 30hb Disember, 1983 yang ditandatangani oleh pihak Kerajaan dengan Asian Rare Earth (Sdn) Bhd. Juga saya telah menarik perhatian Dewan ini atas kenyataan-kenyataan oleh Professor Sadao daripada negeri Jepun yang dilaporkan dalam surat khabar The STAR pada 29hb dan 30hb Oktober tahun ini.

Tuan Pengerusi, pada 8hb November yang baru lalu, saya difahamkan bahawa ada satu kumpulan pekerja dari Asian Rare Earth (Sdn) Bhd kelihatan mengorek dan mengangkut "pasir" dengan menggunakan jentolak mengandungi sisa-sisa thoria dari sebuah bekas lombong dan memasukkan "pasir" tersebut ke dalam tong-tong dengan menggunakan gunatenaga manusia. Tapak bekas lombong ini yang terletak di belakang setor kilang tersebut adalah tanah kepunyaan Kerajaan. Pada hari yang sama, pada kira-kira pukul 4.30 petang, saya telah melawat bekas tanah lombong itu bersama dengan penduduk-penduduk kawasan saya dari Kampung Baru Bukit Merah dan Menglembu. Lawatan saya hanya mengesahkan apa yang diberitahukan kepada saya.

Saya telah melihat satu kumpulan pekerja dari Asian Rare Earth (Sdn) Bhd mengisi "pasir" itu yang

mengandungi sisa-sisa thoria ke dalam tong-tong yang diisi ke dalamnya dengan beg-beg plastik. Berhampiran dengan tanah bekas lombong itu terdapat sebidang tanah yang ditanam dengan sayur-sayuran dan juga terdapat lembu-lembu yang berada di situ yang sedang makan rumput. Lebih kurang 300 ela daripada tapak tersebut digunakan untuk membuang sia-sia thoria adalah tempat tinggal penduduk-penduduk Lembah Kinta.

Saya difahamkan daripada pekerja-pekerja tersebut bahawa seorang sub-kontraktor yang diupah oleh syarikat tersebut telah membuang sia-sia thoria itu ke dalam bekas tanah lombong itu dan inilah sebabnya mengapa kini mereka mengorek pasir tersebut daripada sebahagian bekas lombong itu dan menurut mereka bahagian yang lain bekas lombong itu tidak mempunyai sisa-sisa thoria. Ini adalah mustahil kerana hujan yang turun baru-baru ini sudah pasti akan memasukan "pasir" tersebut ke dalam bekas lombong itu dan memenuhi seluruh kawasan yang berhampiran dengan sisa thoria itu dan environment tersebut kini dicemar dengan gas radioaktif. Hanya sekarang sahaja syarikat tersebut telah memutuskan untuk mengorek dan memindahkan "pasir" yang mengandungi sisa-sisa thoria yang boleh mengancam kesihatan dan nyawa penduduk-penduduk Lembah Kinta.

Tuan Pengerusi, soalnya sekarang ialah untuk berapa lamakah sisa-sisa thoria itu akan dibuang ke dalam bekas lombong itu. Mengapakah pihak berkuasa gagal untuk mengawal aktiviti-aktiviti serta menyasat Asian Rare Earth (Sdn) Bhd mengenai pengeluaran dan pembuangan bahan-bahan yang mengandungi sisa-sisa thoria?

Saya telah mengambil gambar-gambar tempat tersebut untuk membuktikan kepada Yang

Berhormat Menteri berkenaan tentang betapa bahayanya perkembangan-perkembangan terbaru itu yang berlaku di tapak kilang tersebut dan saya sanggup memberikan gambar-gambar tersebut untuk maklumat dan rujukan. Gambar-gambar ini tidaklah tercemar dengan sisa-sisa thoria.

Jelaslah perkembangan-perkembangan terbaru ini memerlukan Kementerian Perusahaan Utama membatalkan lesen yang dikeluarkan dalam bulan Mac, 1980 kepada Asian Rare Earth (Sdn) Bhd untuk mengeluarkan, dengan izin, rare earth chloride, rare earth carbonate dan calcium phosphate.

Perkara ini adalah amat serius kerana di India, syarikat Indian Asian Rare Earth di negeri Kerala, telah menjalankan selama 30 tahun operasinya dan ada seorang pakar namanya V. T. Pathmanaban telah membuat satu laporan seperti ini, dan dengan izin, Tuan Pengerusi, saya quote:

"The Indian Rare Earth is the only department of atomic energy venture which has completed thirty years of operation which incidentally is the average latency for cancer, which is just one of the health hazards of exposure to radiation. The study demonstrates a significant difference in the incidence of cancer and mortality due to heart diseases and all causes between the IRE workers and the control. . . . production. The incidence of the sterility among the IRE workers and genetic disorders among the children also appear to be high."

Oleh sebab itu saya harap Kementerian berkenaan boleh ambil tindakan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, perjanjian tersebut adalah untuk tempoh 20 tahun. Asian Rare Earth (Sdn) Bhd hanya beroperasi selama 3 tahun. Namun demikian ia telah melanggar secara terma-terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut dengan tidak menghiraukan langsung kesihatan dan nyawa penduduk-penduduk. Ini bermakna bahawa Kerajaan telah gagal untuk melantik pakar-pakar yang berkelayakan dari PUSPATI untuk memeriksa dan mengawal kegiatan-kegiatan Asian Rare Earth (Sdn) Bhd sama ada dari segi pengeluaran atau pembuangan seperti yang dinyatakan dalam Artikel 5 perjanjian tersebut.

Perkembangan terbaru ini menunjukkan bahawa syarikat tersebut telah dengan sengaja gagal untuk mematuhi procedure berhubung dengan pengendalian dan penyimpanan secara selamat sisa-sisa yang mengandungi thorium hydrocide seperti dinyatakan dalam perjanjian tersebut. Saya menyeru Kerajaan membatalkan lesen yang dikeluarkan kepada syarikat tersebut supaya memastikan terhadap environment yang bersih dan bebas dari pencemaran serta untuk menjamin nyawa dan kesihatan penduduk-penduduk Lembah Kinta serta juta generasi-generasi akan datang.

Tuan Pengerusi, dalam muka surat 214 Laporan Tahunan Penyiasatan Kajibumi Malaysia tahun 1981 adalah dilaporkan bahawa dan, dengan izin, saya quote:

“While every effort is made to ensure that the site located for the storage of thorium hydrocide has the features specified by the Ministry of Science, Technology and Environment, it is necessary that periodic monitoring of the waste and its environment be carried out by the appropriate authorities. This is to ensure that the environment

will not be contaminated by the burial of the radioactive waste when the site is used.”

Kecuali tindakan serta-merta diambil oleh pihak berkuasa, penduduk-penduduk di Lembah Kinta akan terus mengelolakan demonstrasi-demonstrasi secara aman.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh Maksud B.12, mukasurat 45, Butiran 010000, Kod 1000. Jabatan Perpaduan Negara hendaklah dibubar kerana ia telah gagal dalam fungsinya untuk menggalakkan dan mencapai perpaduan negara. Ia telah membenarkan proses polarisasi kaum dan polarisasi keagamaan berkembang dengan bertambah buruk tanpa menyekatnya. Sepatutnya Jabatan Perpaduan Negara harus menghentikan pelampau-pelampau UMNO dan MCA daripada membangkitkan isu pendatang dan menasihatkan mereka bahawa setiap kaum telah menjadikan Malaysia sebagai tanahairnya; setiap kaum adalah warganegara Malaysia dan taat setia mereka tidak boleh diragui atau dipersoalkan. Inilah negara kita di mana kita lahir dan dibesarkan dan kita akan mati di sini juga. Maka dengan itu adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menjadikan Malaysia bersatu padu dan berharmoni.

Perpaduan negara kita bergantung kepada setiap rakyat Malaysia dan sekiranya Kerajaan masih mahu Jabatan Perpaduan Negara wujud, maka Jabatan tersebut hendaklah memainkan peranannya dengan lebih giat dan cergas, dan bukan hanya menjalankan tugas-tugas seperti mencetak kalendar setiap tahun. Ianya harus beranikan diri dan memanggil pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA yang ada dalam Barisan Nasional dan mengajar mereka

tentang sejarah, sensitiviti dan hak-hak setiap kaum yang ada di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kemaman.

5.56 ptg.

**Tuan Ismail bin Said [Kemaman]:** Tuan Pengerusi, mukasurat 25, Maksud B.1, Butiran 010000, Urusan Parlimen. Izinkan saya, Tuan Pengerusi, menyentuh Program 01000 iaitu Pentadbiran Awam dan 010200 Mengurus dan Mentadbirkan Dewan-dewan Parlimen segaligus.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita semua ketahui bahawa Parlimen adalah merupakan tempat tertinggi dan mulia di negara kita. Di sinilah, di dalam Dewan yang mulia inilah terlaksananya program perundangan yang dibawa oleh Kerajaan untuk dibahaskan, untuk dibentangkan serta untuk diluluskan oleh Ahli-ahli dalam Parlimen ini demi untuk memelihara dan menjamin keutuhan demokrasi berparlimen di negara kita ini; dan seterusnya demi untuk kepentingan, kebahagiaan, kesempurnaan dan kebebasan rakyat di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya di dalam Dewan yang mulia inilah juga persidangan-persidangan Parlimen dilakukan. Jadi untuk menguruskan persidangan dalam Parlimen ini, ianya telah dipertanggungjawabkan kepada Pentadbiran di Parlimen ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, Pentadbiran di Parlimen ini juga diberi tugas yang lain selain daripada untuk menguruskan perjalanan Dewan kita sebagaimana yang kita adakan pada hari ini. Ianya juga menguruskan Persidangan Speaker-Speaker Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia

dan juga Pentadbiran di Parlimen ini telahpun bertindak sebagai Urusetia-urusetia kepada Kesatuan Parlimen Antarabangsa Cawangan Malaysia (IPU), AIPO, CPA dan sebagainya. Saya dapati juga bahawa Pentadbiran di Parlimen ini menguruskan lawatan-lawatan rasmi perwakilan-perwakilan Parlimen daripada luar negeri dan ia juga memberi khidmat dan kemudahan-kemudahan kepada Ahli-ahli Parlimen sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Saraan Ahli-ahli Parlimen 1980. Pentadbiran ini juga menjadi Urusetia kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Jadi, berani saya tegaskan di sini bahawa tugas dan tanggungjawab yang dibebankan kepada pentadbiran Parlimen ini amatlah berat dan amatlah mustahak serta penting. Jadi, melihat kepada Belanjawan pada tahun depan kita dapati bahawa peruntukan ini telah pun berkurangan. Misalnya pada tahun 1986 ianya diperuntukkan sebanyak \$15,603,800, tetapi bagi tahun 1987 berjumlah \$15,161,800. Ini perbezaannya di antara 1987 dan 1986 ialah berkurangan sebanyak kira-kira \$442,000. Jadi, saya berharap kepada pihak Jabatan Perdana Menteri oleh kerana memandangkan tugas dan tanggungjawab pentadbiran Parlimen ini adalah bertambah dari semasa ke semasa, apatah lagi jumlah Ahli Parlimen kita telah pun bertambah menjadi 177 orang sekarang ini, perlu pihak Kerajaan membuat pertimbangan dalam Belanjawan yang akan datang supaya kalau boleh kita elakkan pemotongan peruntukan ini dilakukan kepada pentadbiran Parlimen semoga perjalanan tidaklah terjejas, oleh kerana sebagaimana yang saya katakan awal-awal tadi, Dewan ini ialah merupakan tempat yang mulia di mana urusan persidangan dijalankan dan segala undang-undang diluluskan di Dewan ini.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju dengan pendapat Ahli DAP dari Bukit Bintang dan juga dari Kepong supaya kita tambahkan jumlah jam kita bersidang pada tiap-tiap hari oleh kerana memandangkan ramai Ahli daripada Dewan kita ini yang ingin mengambil bahagian dan kadang-kadang ramai di antara kita tidak berpeluang untuk berucap. Itu pandangan saya mengenai Pentadbiran dan juga Pengurusan di Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, izinkan saya di bawah Butiran yang sama menyentuh mengenai tata tertib dalam Dewan ini. Ketua Pembangkang dari Tanjong telah pun awal-awal tadi menyebut bahawa beliau sendiri tidak berpuas hati dengan perjalanan tata tertib yang berlaku dalam Dewan ini dan beliau merasakan bahawa seolah-olah nama baik Dewan kita tidak dijaga. Saya bersetuju juga dengan beliau, tetapi malangnya cakap Ketua Pembangkang ini, Yang Berhormat dari Tanjong ini cakap tak serupa bikin. Kadang-kadang Tuan Pengerusi sendiri pening kepala untuk mengawal tingkah-laku, terutama sekali Wakil-wakil dari DAP. Ada kalanya keputusan-keputusan yang dibuat oleh Tuan Pengerusi dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua tidak dipatuhi. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Ismail bin Said:** Silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat membuktikan bahawa Tuan Pengerusi ini pening kepala. Saya tak nampak, dia tenang sahaja. Itu salah sangka.

**Tuan Ismail bin Said:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang pening kepala Tuan Pengerusi kita, bukan Yang

Berhormat dari Kepong. Oleh kerana Tuan Pengerusi kita ini orang bersabar, orang bertenang dan sentiasa berlaku adil, sebab itulah Tuan Pengerusi kita, Tuan Speaker kita tidak menunjukkan perasaan marah, terutama sekali kepada Ahli-ahli DAP. Inilah dia sikap yang ditunjukkan oleh Tuan Pengerusi kita, beliau sentiasa berlaku adil, sungguhpun DAP tidak berlaku adil kepada Tuan Pengerusi dalam Dewan ini.

Jadi, saya rasa kesal dengan sikap yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli DAP dalam Dewan ini. Jadi, macam mana? Wakil dari Tanjong bercakap mengenai kemuliaan Dewan, tata tertib yang baik dalam Dewan ini, pada hal pengikut-pengikutnya tidak mengikut tata tertib yang baik. Misalnya, Tuan Pengerusi, tiap-tiap kali pemimpinnya bercakap, selalu ditepek meja, bersorak kononnya. Jadi, segala-galanya bermula daripada DAP sendiri. Kalaulah DAP mula tepuk meja, kita pun hendak tepuk meja juga, terutama sekali Ahli-ahli daripada Barisan Nasional ada maruah juga. Jadi, segala-galanya bermula daripada DAP sendiri. Saya berharap Wakil daripada DAP, terutama sekali Ketua Pembangkang supaya mengajar ataupun memberi nasihat kepada anak buahnya supaya janganlah bertindak sedemikian rupa dalam Dewan ini.

Walau macam manapun, saya memanglah berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh Tuan Pengerusi dan juga Timbalan-timbalan Pengerusi, Tuan Speaker dan juga Timbalan-timbalan Speaker yang dapat mengawal keadaan dengan baik dalam Dewan ini. Tahniah saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi.

Saya tidak berniat untuk memuji kepada Tuan Pengerusi, tetapi inilah merupakan satu hakikat, sebab itulah kita dapati bahawa Tuan Pengerusi kita ini sentiasa dihormati bukan

sahaja oleh Wakil-wakil daripada Barisan Nasional, tetapi juga Wakil-wakil daripada DAP, tetapi sekali-sekala mereka ini kadang-kadang menunjuk sikap yang kalau izin saya gunakan perkataannya, Tuan Pengerusi, "kurang ajar".

**Tuan Pengerusi:** Saya minta tarik balik perkataan itu.

**Tuan Ismail bin Said:** Saya tarik balik "kurang ajar".

Tuan Pengerusi, oleh kerana jumlah Ahli dalam Dewan ini telah bertambah menjadi 177, mengikut Peraturan Mesyuarat — "Cukup Bilang" ialah 26 orang. Saya bercadang supaya pihak Kerajaan dapat menimbangkan supaya Cukup Bilang ini ditambah. Saya memikirkan, kalau boleh, angka yang patut kita tambah sekurang-kurangnya kepada 36. Itu cadangan saya.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat boleh buat cadangan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat supaya Jawatankuasa ini mengkaji perkara itu. Boleh membuat cadangan.

**Tuan Ismail bin Said:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, Wakil dari Tanjong semasa beliau berucap di bawah Butiran 01100, muka surat 37 tak silap saya, mengenai Lembaga Perpaduan Negara. Jadi saya rasa sungguh kagum dengan sikap yang ditunjukkan oleh Wakil dari Tanjong bahawa beliau sekarang benar-benar cintakan kepada perpaduan negara dan beliau telah cuba membawa contoh. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Sebenarnya bukan sekarang, siang-siang, dahulupun, tetapi Yang

Berhormat dari Kemaman tak tahu, tak faham, tidur, tak sedar.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Pengerusi, saya lebih sedar, lebih faham dan lebih jaga daripada beliau. Jadi kenapa sekarang ini baru beliau dengan terang-terang dalam Dewan ini menyentuh masalah perpaduan negara, polarisasi kaum dan sebagainya. Mungkin beliau ini mengambil kesempatan mengenai masalah yang dihadapi oleh kita sekarang, isu yang dibawa oleh MCA mengenai definisi "Pribumi". Jadi, nampaknya Wakil dari Tanjong ini cuba menanggung di air yang keruh untuk mengambil kesempatan. Walau macam manapun, saya ucapkan tahniah kepada beliau, tetapi pokoknya masalah perpaduan kaum, perpaduan negara dan sebagainya, isu ini timbul, saya percaya adalah hasil daripada kebangkitan yang dibuat oleh DAP sendiri, terutama sekali dalam saat-saat mereka menghadapi pilihanraya untuk mendapat undi. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Ismail bin Said:** Silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, nampaknya dia tak berapa faham mengenai ketetapan MCA Selangor itu. Adakah dia sedar ada ketetapan MCA ini? Siapa yang membangkitkan, sebab pihak DAP tidak ada di dalam mesyuarat MCA, cuma komponen Parti MCA sahaja. Dia tak tahu. Tuan Pengerusi, adakah dia sedar yang dia langgar dua point of order, 36 (4) dan 38 (5)?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bangun atas apa itu? Atas point of order ataupun penjelasan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Kedua-duanya.

**Tuan Pengerusi:** Tak boleh. Minta satu sahaja. Yang mana hendak bertanya?

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi, dia tak berapa faham sekarang. Patutlah dia tunjukkan perangai yang lebih baik lagi.

**Tuan Pengerusi:** Itu bukan minta penjelasan. Sila teruskan.

**Tuan Ismail bin Said:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya faham Wakil dari Kepong tetapi nampaknya DAP mengambil kesempatan di atas isu ini. Jadi, saya memberi nasihat kepada wakil-wakil DAP bahawa masalah yang kita hadapi ini adalah merupakan masalah dalam keluarga dan jangan cuba campur tangan. Saya anggap DAP ini seolah-olah lempar batu sembunyikan tangan, Tuan Pengerusi. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang belakang dahulu bangun. Pasir Pinji dahulu bangun. Hendak minta apa?

**Tuan Lau Dak Kee:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Minta penjelasan, ya.

**Tuan Lau Dak Kee:** Sebab isu pribumi ini bukan dibangkit oleh DAP, tetapi disoalkan daripada Yang Berhormat tadi. Saya rasa perkara ini adalah satu perkara yang dikatakan, tepuk air dalam dulang.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Pengerusi, yang mula-mula bermain api mengenai isu ini ialah DAP sendiri. Jadi, sekarang telah pun terbakar. Sebab itulah dia merebak. Sebab itu saya kata awal-awal tadi mereka yang mula-mula melempar batu dan mereka ini sembunyikan tangan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat dari Kemaman kata bahawa perkara ini perkara rumahtangga UMNO, MCA. Masalah rumahtangga kita, tidak seorang yang ada minat yang mahu peduli. Masalah ialah janganlah apa yang disifatkan sebagai masalah rumahtangga mengancam perpaduan, meningkatkan polarisasi kaum dan di mana rumah atau masalah rumahtangga UMNO, MCA menjadi satu ancaman kepada kemajuan perpaduan negara. Itulah di mana MCA dan UMNO menjadi stumbling block perpaduan negara.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat dari Kepong janganlah bimbang, janganlah gusar dan janganlah risau, kita dapat menyelesaikan masalah ini kerana kita lebih cintakan perpaduan negara lebih daripada DAP cintakan perpaduan negara (*Tepuk*). Tuan Pengerusi, kita cakap, kita buat, tetapi DAP cakap tak serupa bikin. Apabila sampai saat pilihanraya, isu yang sama dibangkitkan. Jadi, itulah yang hendak saya ulaskan, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong mengenai butiran yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, Wakil dari Tanjong juga ada menyebut, kalau tak silap saya mukasurat 33, Butiran 01000 di bawah Emolumen. Beliau ada menyebut Badan Pencegah Rasuah, kalau tak silap saya tadi. Nampaknya Yang Berhormat dari Tanjong ini seolah-olah menjadi hero memperjuangkan supaya Kerajaan kita ini sentiasa ditadbirkan dengan baik, dengan jujur dan dengan amanah. Saya rasa Yang Berhormat dari Tanjong tak perlulah menasihati kita, memang kita sedar. Sebab itulah kita wujudkan Badan Pencegah Rasuah ini untuk mengawasi segala penyelewengan yang berlaku, yang mungkin berlaku dan yang akan

berlaku. Cuma yang saya tak puas hati sedikit dengan Yang Berhormat dari Tanjong ini ialah beliau di dalam Dewan ini berkali-kali, telah berkali-kali membangkitkan bahawa Kerajaan kita corrupt, dengan izin, Tuan Pengerusi, dan rasuah. Pemimpin kita corrupt dan rasuah; berkali-kali beliau bangkitkan dalam Dewan ini. Jadi, yang selalu saya tertanya-tanya semasa beliau membangkitkan perkara ini menyatakan bahawa Kerajaan kita ini penuh dengan rasuah, beliau sedikit pun tidak menunjukkan bukti yang konkrit.

Tuan Pengerusi, saya berharap kepada Wakil dari Tanjong kalaulah boleh sebelum berucap mengenai perkara rasuah ini tolong bantangkan kepada kita bukti-bukti yang lengkap supaya dapat kita. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Ismail bin Said:** Silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya hendak tahulah sama ada Yang Berhormat dari Kemaman itu ada membaca Laporan BMF dan Laporan Kertas Putih Koperasi, di dalamnya isi kandungan menunjukkan bukti-bukti yang boleh membantu Peguam Negara mengambil tindakan. Itulah satu hakikat dan kenyataan. Saya pun merasa hairan kenapa Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, jangan buat ucapan, buat penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan sahajalah. Sama ada Yang Berhormat dari Kemaman ini setuju dengan sikap Peguam Negara kerana tidak mahu mengambil tindakan atas bukti-bukti yang ada, bukti-bukti yang digunakan oleh negara-negara yang lain seperti

Hongkong dan London. Bukti yang sama digunakan untuk mendakwa.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Ismail bin Said:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sikap dan pendirian Kerajaan kita mengenai masalah rasuah ini adalah jelas. Sebab itu kita berani membentangkan Kertas Putih dalam Dewan ini jelas, tetapi masalah Peguam Negara, itu dan ini, itu adalah merupakan masalah perjalanan pentadbiran sahaja. Itu pendapat saya. Itu terpulang kepada beliau cara-cara untuk menyelesaikan masalah ini.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun di belakang.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat dari Kemaman iaitu adakah Yang Berhormat terdengar berita atau terbaca dalam mana-mana suratkhbar bahawa pihak DAP telah membuat laporan (report) kepada polis mengenai kes-kes rasuah?

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu tak ada lagi. Setakat ini cuma dalam Dewan ini saya dengar. Itu sahajalah.

Tuan Pengerusi, saya juga hairan kepada DAP, kadang-kadang dia cuma melihat dengan sebelah mata sahaja. Kalau saya hendak ambil contoh parti-parti Pembangkang lain juga ada mengamalkan kegiatan-kegiatan yang boleh saya anggapkan sebagai menyeleweng ataupun tidak jujur dan tidak amanah. Saya tidak dengar dan saya juga tidak pernah dengar DAP membangkitkan sama ada Kerajaan misalnya, ataupun tidak pernah bertanyakan kepada Kerajaan sama ada Kerajaan ini menyiasat, misalnya Tabung Jihad yang ditutup

oleh PAS itu, tak pernah saya dengar DAP bertanyakan soal demikian.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Arau.

6.17 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Jawatankuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Yang pertama saya ingin menyentuh B.1 Parlimen, Butiran 01000, Urusan Parlimen.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Kemaman dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dan juga seorang Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Lain-lain daripada Pembangkang berhubung dengan perbincangan mengenai Urusan Parlimen ini saya rasa mereka bercakap tidak serupa bikin. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Kemaman.

Jadi, semua orang sedia maklum bahawa Parlimen ini tempat yang mulia, tetapi kadang-kadang pihak Pembangkang iaitu DAP menyalahgunakan kedudukan yang mereka dapat di dalam Dewan yang mulia ini dengan menjadikan tempat ini untuk mereka melepas perasaan. Perkara ini mungkin berlaku.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Kemaman tadi, mungkin masa perbincangan yang diberikan tidak cukup berdasarkan kepada Ahli-ahli Parlimen yang ada sekarang telah berjumlah 177 orang. Jadi, hendak melepas perasaan ialah dengan bermain gendang yang selalu dimainkan oleh DAP di barisan belakang

ini dan juga bersiul-siul. Saya rasa perkara ini kita sedia maklum Dewan ini ialah Dewan yang mulia dan Dewan ini diperhatikan oleh pemerhati-pemerhati yang kadang-kadang terdapat penuntut-penuntut dan juga kanak-kanak sekolah. Kalau sekiranya ini cara yang ditunjukkan oleh DAP dan kami sebagai menjaga maruah Kerajaan terpaksa berbalas balik. Saya rasa adalah sukar untuk kita menamakan Dewan ini Dewan yang mulia.

Sebagai contohnya Ketua Pembangkang yang buruk, yang bercakap seperti budak-budak tadi. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Saya tak membenarkan perkataan yang buruk. Minta tarik balik.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya tarik balik. Tetapi tadi ruling boleh, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tak apalah, yang lain itu. Saya tak membenarkan yang itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebab saya ingat kalau boleh saya hendak teruskan. Jadi, kalau tak boleh, tak mengapa dan berkelulusan undang-undang dari Timbaktu, saya rasa dia bercakap bukan sahaja bercakap tidak serupa bikin, adalah memang menjadi sikapnya untuk orang kata mencedok di air keruh. Jadi dia mencari kesempatan untuk menekankan suaranya supaya orang marah dan bila orang marah kita akan menegur dan minta penjelasan, dengan itu dia akan dapat publisiti yang murah. Padahal perkara yang sama yang boleh dicakapkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, dia bercakap dengan teratur dan semua pihak saya rasa menerima hakikat bahawa kita sanggup

bekerjasama dan dengan itu pendapat-pendapatnya sering diambil contoh dan bukan seperti apa Ahli-ahli Yang Berhormat DAP yang lain yang saya rasa mereka cuma. . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Boleh, memang saya hendak beri pun.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Kalau Yang Berhormat dari Arau menghormati sikap dan gaya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan memandangkan Ahli dari Bukit Bintang adalah seorang pemimpin tinggi di DAP, kenapa Ahli Yang Berhormat dari Arau tidak mahu masuk DAP, cubalah! (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebenarnya saya hendak jemput Yang Berhormat dari Bukit Bintang masuk Barisan Nasional sebab yang lain itu tidak layak untuk masuk sebab belum sampai ke peringkat mereka berbuat demikian, terutama Yang Berhormat dari Bandar Kuching, saya rasa terpaksa melalui dua tiga penggal dahulu baru boleh masuk Barisan Nasional (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Bernormat, saya rasa Yang Berhormat habiskanlah kerana yang dicakup itu bukan bersangkutan dengan Pentadbiran Parlimen (*Ketawa*). Apa yang di dalam itu ialah mengenai Pentadbiran Parlimen.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya, ini fasal urusan mesyuarat.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat pergilah kepada butiran lain.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Terima kasih. Yang terakhir sekali dengan Urusan Parlimen ini supaya dapat kita menggunakan kuatkuasa Peraturan 44 (1) iaitu mana-mana Yang Berhormat dari DAP. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat itu. . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Keduanya, Tuan Pengerusi, B.4. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ke lain pula!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Maksud B.4 muka surat 28, Butiran 010000 — Urusan Pilihanraya. Saya cuma hendak mengucapkan tahniah di atas kejayaan Suruhanjaya untuk mengendalikan pilihanraya baru-baru ini dan juga pilihanraya-pilihanraya yang lepas. Cuma satu saya hendak sentuh sebab perkara ini masih berterusan dan perkara ini agak serius kerana ianya berlaku kepada ramai pengundi-pengundi saya sendiri iaitu masalah dua nama. Kita lihat, nasib baiklah kalau sekiranya pengundi-pengundi ini mempunyai dua nama, pengundi yang sama di dua tempat yang berlainan, kalau sekiranya mereka pengundi-pengundi Barisan Nasional cuma kita minta mereka mengundi satu sahaja. Saya takut kalau-kalau sekiranya pengundi-pengundi itu daripada Pembangkang, DAP terutamanya, mereka akan mengundi dua kali. Ini adalah satu kenyataan di mana. . . . .

**Tuan P. Patto (Ipoh):** (*Bangun*)

**Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang mana satu, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Yang hadapan, Yang Berhormat dari Ipoh. (*Ketawa*)

**Tuan P. Patto:** Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat itu memberi bukti di mana, di kawasan mana, Bahagian Pilihanraya termasuk juga Polling District, dengan izin, di mana terdapat pengundi-pengundi yang mempunyai namanya berulang dua kali dan didapati mengundi DAP? Kalau tidak boleh membuktikan, saya harap Yang Berhormat itu tarik balik.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Awak marahkah? (*Ketawa*) Tuan Pengerusi, nama dua memang ada. Saya katakan saya takut kalau-kalau nama ini termasuk di dalam kawasan DAP dia mengundilah dua kali, saya takut kalau-kalau. Jadi saya minta Suruhanjaya Pilihanraya. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tidak boleh buat "inference" macam itu, tidak boleh.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya tidak akan buat, tetapi saya akan minta Suruhanjaya Pilihanraya untuk memberi perhatian supaya disemak semula mereka yang boleh mengundi di dua tempat. Saya boleh beri bukti dan contoh di mana perkara ini berlaku di kawasan saya sendiri, tetapi bernasib baik sebab saya pengundi Barisan Nasional yang sentiasa "Bersih, Cekap dan Amanah". Saya minta supaya. . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pasir Pinji pula bangun.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Boleh, boleh.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya minta sedikit penjelasan sama ada Yang Berhormat dari Arau itu sedar atau tidak senarai-senarai dari pemilih-pemilih bukan

diatur atau disusun oleh parti DAP tetapi disusun oleh Barisan Nasional, maknanya kalau. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat tidak boleh kata begitu — "disusun oleh Barisan Nasional", tidak boleh.

**Tuan Lau Dak Kee:** Disusun oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Lau Dak Kee:** Maknanya, nama yang dibangkitkan dua kali itu, Tuan Pengerusi, tidak terlibat sama sekali daripada parti DAP.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Tuan Pengerusi bahawa Suruhanjaya ini adalah Suruhanjaya yang dilantik oleh Agong, jangan kita suruh mereka menyentuh Barisan Nasional atau sebagainya, nanti susah kita dibuatnya. Jadi saya ingat saya tidak payah beri penerangan. Benda ini memang berlaku di merata-rata tempat. Kalau berlaku di kawasan saya, kawasan DAP lagi banyak dan saya rasa lagi banyaklah perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Yang ketiganya, Maksud B.7, Butiran 160000 — Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand. Kita dapati peruntukan tahun 1986 diberi lebih kurang \$1.3 juta tetapi 1987 cuma \$1 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan mengenai perkara ini. Perkara keselamatan ini adalah bukan satu perkara yang berkurangan pada masa sekarang, lebih-lebih lagi zaman meleset ini keselamatan saya rasa adalah merupakan perkara yang penting. Pembangkang pun bertambah, masalah keselamatan juga bertambah, makna kata ada orang yang sentiasa membangkang Kerajaan. Dengan itu maka masalah keselamatan ini terutamanya dengan

pihak Penguasa Thailand iaitu di kawasan yang sensitive, dengan izin, haruslah tidak dikurangkan kerana kita dapati di dalam kedudukan sekarang walaupun kawalan ketat dibuat, walaupun masalah keselamatan berhubung dengan komunis dikawal dengan rapi tetapi perkara itu sentiasa bertambah dari semasa ke semasa berdasarkan pertambahan penduduk dan juga berdasarkan keadaan ekonomi.

Jadi dengan itu sesuatu harus dibuat untuk memastikan bahawa walaupun kita menghadapi masalah kewangan tetapi janganlah kita menggadaikan keselamatan. Sesuatu harus dibuat untuk memastikan walaupun dalam keadaan kita terpaksa berbelanja lebih daripada pihak Thailand, kita mestilah berkorban untuk memastikan keselamatan negara kita terjamin.

Kemudian yang berikutnya ialah Maksud B.8 — Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya ingin menyentuh sekali di semua Butiran di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada masa sekarang saya dapati DAP terutamanya dan banyak pihak yang sentiasa memberi kritikan secara langsung kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Perkara ini bukan sahaja suatu yang tidak adil dan amat tidak adil, tetapi tidak tahulah istilah apa yang saya hendak katakan tetapi saya rasa perkara ini boleh melemahkan moral pegawai-pegawai Kerajaan. Ada cara yang lain yang boleh kita tegur iaitu dengan mempunyai bukti-bukti. Jangan kita anggap kalau sekiranya terdapat satu incident ataupun kes yang tidak diinginkan berhubung dengan rasuah maka semua pegawai Kerajaan tidak bersih, tidak cekap dan tidak amanah. Itu adalah satu tuduhan yang liar, tuduhan yang saya setuju dengan Yang Berhormat dari Kemaman yang tadi dia sebut “kurang ajar” — dia terpaksa tarik balik, tuduhan yang biadap. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Perkatan “biadap” pun tidak boleh.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak boleh juga! (*Ketawa*) “Biadap” pun saya tarik balik. Satu tuduhan yang tidak patut kerana kita sedia maklum, DAP pun sedia maklum, kita boleh pandang di hadapan, pandang di belakang bahawa betapa dedikasinya pegawai-pegawai Kerajaan untuk membantu kita bersidang. Ini tidak termasuk lagi soal-soal yang mereka harus selesaikan. Kita kena ingat bahawa pegawai Kerajaan sekarang ialah dalam kedudukan 1:15 kalau dibandingkan dengan penduduk. Makna kata mereka adalah 1/15 daripada penduduk negara ini dan mereka merupakan orang perantaraan yang utama di antara pihak Kerajaan dan rakyat, di antara Pembangkang dan juga Kerajaan malah mereka merupakan segala-galanya untuk kita memastikan Kerajaan sekarang berjalan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, esok boleh sambung saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain janganlah panjang-panjang sangat kerana kita hanya ada 16 hari dan 24 Kementerian dan jikalau sekiranya kita pergi, sebagaimana saya katakan dahulu, “straight to the point”, maka kita boleh meliputi banyak perkara yang hendak diucapkan. Dan juga saya hendak tegaskan janganlah diulang-ulangkan apa yang sahabat-sahabat kita ataupun Ahli-ahli yang lain telah pun berucap, jangan cakap berulang, kita bercakap perkara lain maka banyak perkara-perkara yang boleh diucapkan.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*